

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 29 OGOS - 4 SEPTEMBER 2024

www.selangorkini.my

Selangor tuan rumah SUKMA 2026

Persiapan kemudahan dan persediaan atlet untuk temasya itu dipertingkat sebaik acara dwitahunan berakhir pada 25 Ogos. Selangor ketiga keseluruhan hanya di belakang Sarawak dan Wilayah Persekutuan

MUKA 2 & 21

Turap jalan besar-besaran bulan depan

Kerja tampalan lebih pantas menggunakan jentera berteknologi tinggi yang diimport dari United Kingdom melalui Projek Turapan Mega 2.0 yang beri tumpuan laluan yang dikenal pasti rosak teruk

MUKA 4



Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg menyerahkan bendera Sukan Malaysia kepada Dato' Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari sambil disaksikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Stadium Perpaduan Petra Jaya, Kuching pada 24 Ogos 2024. Foto BERNAMA ▶ BERITA MUKA 2 & 21

pancawarna


Setahun kejayaan pentadbiran demi rakyat



Tambah baik insentif, perkenal perkhidmatan baharu

9


Pakar: Cuma 45 hektar dijajah



Portugis gagal luas kuasa, kesultanan berpindah

14

Terbuang pada hari isytihar merdeka



Tokoh wartawan pilu tidak rai, dihantar ke luar negara

16

6,358 unit Rumah Idaman siap

SHAH ALAM - Sebanyak 6,358 unit Rumah Idaman dijangka siap dan diserahkan kepada pembeli secara berperingkat mulai tahun depan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau juga menjelaskan penyerahan kunci sebanyak 2,912 unit akan dijalankan pada 2025, diikuti 3,442 unit lagi pada tahun berikutnya, lapor Sinar Harian.

"Dalam tempoh dua tahun, kita akan serahkan lebih kurang 6,358 unit dan itu menerusi projek perumahan Idaman sahaja," katanya dalam Majlis Penyerahan Rumah Idaman di Bandar Saujana Putra di sini.

Rumah tersebut, yang terdiri daripada 1,312 unit pangsapuri dua blok dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM375 juta diserahkan kepada pemiliknya pada 27 Ogos.

Pantau kumpulan ajaran sesat

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan tegas kepada kumpulan yang aktif menyebarkan ajaran sesat di Selangor.

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah memberi amaran kepada penggerak ajaran sesat yang pemantauan rapi sedang dibuat oleh pihak berwajib.

"Ada (ajaran sesat) dan saya berikan jaminan kepada semua, mereka dalam pemantauan rapi negeri dan pihak berkuasa.

"Amaran kepada kumpulan ini jangan terlalu gembira kerana anda semua dipantau. Kita ambil tindakan sewajarnya dan tak ada toleransi," katanya pada 27 Ogos.

Beliau berkata satu program kesedaran dalam talian bakal diperkenalkan bagi memudahkan orang ramai mengenal ciri-ciri ajaran sesat.

"Kita akan berikan panduan cara kenal pasti ajaran yang salah. Ini fokus kepada anak muda. Selain itu ada juga isu lain diketengahkan termasuk nikah, cerai," katanya.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Selangor tuan rumah SUKMA 2026

KUCHING - Selangor secara rasmi menjadi tuan rumah Sukan Malaysia (SUKMA) edisi ke-22 pada 2026, kali kedua selepas menganjurkan temasya sama pada 1998.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menerima bendera SUKMA yang disampaikan Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg dalam majlis penutupan di sini 25 Ogos.

Selangor kedudukan ketiga apabila mengutip 56 emas, 64 perak dan 61 gangsa. Sarawak muncul juara keseluruhan dengan memperoleh 76 emas di-

ikuti naib juara Wilayah Persekutuan (75 emas).

Sementara itu, Amirudin bangga dengan pencapaian kontinjen Selangor yang menduduki tiga teratas dan membawa pulang 56 emas dari bumi Kenyalang, menghampiri sasaran 61 pingat emas.

Beliau memberitahu ganjaran kepada atlet Selangor yang memenangi pingat emas SUKMA akan diserahkan dalam masa terdekat.

Jelasnya, pentadbiran negeri akan mengadakan sesi pascanilai bersama

Majlis Sukan Negeri Selangor sebelum ganjaran itu disampaikan kepada atlet.

"Ada insentif yang kita sudah tetapkan kepada pemenang emas. Untuk insentif (atlet) yang memperbaharui rekod kebangsaan dan kejohanan juga ada," katanya pada 24 Ogos.

Pada 3 Ogos, beliau menawarkan RM10,000 kepada pemenang emas bagi atlet acara individu, berpasukan bawah lima orang (RM5,000 seorang) dan berpasukan lebih lima orang (RM3,000 seorang).

Tertinggi di seluruh negara

2.7 juta penduduk labur ASN

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Seramai 2.72 juta rakyat Selangor melabur dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASN) dengan nilai langganan lebih 72.06 bilion unit, tertinggi di seluruh negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha Permodalan Nasional Berhad (PNB) mempromosi pendidikan kewangan dan pelaburan dengan rakyat perlu diteruskan setiap masa.

"la memanfaatkan segenap lapisan rakyat dari belia hingga dewasa khususnya dalam merancang kewangan diri dan keluarga," katanya di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) pada 22 Ogos.

Perasmian program Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 antara 22 hingga 25 Ogos itu disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Amirudin, MSAM pada tahun ini yang menerap elemen sains, teknologi, kejuruteraan dan mate-

matik (STEM) sekali gus menepati usaha untuk melahirkan bakat pembangunan negeri.

"Saya sukacita apabila lihat elemen pendidikan seperti STEM menjadi elemen teras MSAM selari dengan yang terkandung dalam hasrat Kerajaan Negeri dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

"Setiap tahun, kita peruntuk lebih RM20 juta hingga RM30 juta untuk program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET)," katanya.

Bimbing anak muda celik kewangan

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengingatkan anak muda supaya celik pengurusan kewangan dan tidak terperangkap budaya kepenggunaan yang melampau.

Beliau memberitahu kemahiran sedemikian perlu disemai bagi mendepani cabaran gaya hidup moden sekali gus mengelak generasi baharu terjebak dalam gejala hutang yang serius.

"Jika tidak diseimbangkan dengan pengurusan kewangan cekap, kita mungkin melahirkan generasi atau kelompok yang terperangkap dengan hutang yang serius.

"Ini perkara besar kerana kita tidak mahu anak-anak muda terperangkap dalam perangkap kewangan yang disebabkan oleh budaya kepenggunaan yang melampau," katanya.

Beliau berucap dalam majlis penun-

tupan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 di Pusat Konvensyen Setia City yang berlangsung antara 22 hingga 25 Ogos.

Amirudin percaya penganjuran tersebut penting dan seiring keperluan semasa bagi membimbing masyarakat dalam urusan kewangan selain memberi pendedahan terhadap peluang pelaburan.

3,800 manfaat Yayasan Raja Muda

SABAK BERNAM - Kira-kira 3,800 belia menerima manfaat daripada Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) bagi mengembangkan bakat kemahiran dalam Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanahnya Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata yayasan yang dilancar pada 2003 bertujuan mencungkil bakat belia dari seluruh negara dalam bidang kemahiran.

"YRMS ditubuhkan untuk mem-

beri peluang kepada belia terpinggir dan kurang kecenderungan akademik tetapi mempunyai bakat dan kemahiran yang terpendam.

"YRMS menyokong anak muda berusia antara 16 hingga 30 tahun dengan membantu mereka membina keyakinan diri serta memperkembangkan bakat bagi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan," katanya.

Beliau berucap di hadapan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Sela-

ngor Tengku Amir Shah sempena Hari Terbuka TVET YRMS di Politeknik Sultan Idris Shah di sini pada 27 Ogos.

Raja Arshad menambah, YRMS membantu belia menerusi tiga program yang disediakan iaitu bengkel eksplorasi diri, latihan berasaskan kemahiran dan bakat untuk dunia.

Menurutnya, Hari Terbuka TVET merupakan platform bagi semua pihak mengenali lebih dekat dunia TVET selain meningkatkan minat pelajar terhadap bidang terbabit.



SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN KE 67



DARIPADA

**YAB DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**



#KitaSelangor

Manfaat teknologi baharu dron

SHAH ALAM - Pusat Kecemerlangan Dron (CoE) di Bestari Jaya, Kuala Selangor tidak hanya tertumpu kepada ujian pesawat udara tanpa pemandu, sebaliknya termasuk kawasan darat dan air.

Dikendali Selangor Aviation and Technology Innovations Sdn Bhd (Selati), pusat itu menurut EXCO pembangunan inovasi turut menumpukan sistem bacaan data dicerap dron bagi tindakan segera.

Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata kawasan sepanjang 24 kilometer dengan ketinggian udara empat kilometer itu juga antara yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama untuk memperkasa industri berkenaan.

"Pusat ini dibina dalam kawasan Universiti Selangor kerana kita berharap akan menarik minat ahli akademik. Kita mahu bangunkan industri lebih meluas dan memanfaatkan teknologi baharu.

"Pada masa sama, kita bangunkan platform baharu seperti analisis data. Contohnya, kita dapat tahu tebing berisiko runtuh menerusi pemanduan dron dan boleh ambil langkah segera," katanya pada 25 Ogos.

Lebih 4,000 terima manfaat MamaKerja

SHAH ALAM - Seramai 4,417 ibu bekerja menerima insentif MamaKerja RM1,000 bagi meringankan kos penjagaan anak setakat Ogos, kata EXCO pembangunan keluarga.

Anfaal Saari memberitahu lebih 7,000 permohonan diterima sepanjang tahun ini tetapi kira-kira 3,000 daripadanya terpaksa ditolak berikutan pemohon tidak memenuhi syarat tertentu.

"Sejak dilancar tahun lalu, sebanyak 15,194 permohonan diproses. Bagaimanapun, kita teliti segala aspek sebelum beri kelulusan," katanya pada 23 Ogos.

Inisiatif bermula 1 November tahun lalu itu antara manifesto Kerajaan Perpaduan yang ditawarkan kepada rakyat Selangor dalam pilihan raya negeri melalui peruntukan RM5 juta.

Melibatkan peruntukan RM5 juta, skim tersebut memanfaatkan 5,000 wanita bekerja yang memiliki tiga anak bawah 12 tahun dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM8,000.

Antara syarat lain wanita bekerja dan bermajikan, mengundi di Selangor serta berpendapatan isi rumah RM8,000 ke bawah.

Bantu pemetaan utiliti bawah tanah

SHAH ALAM - Penubuhan Koridor Utiliti Selangor (Kusel) sejak empat tahun lalu membantu pentadbiran negeri menyelaraskan sistem pemetaan utiliti bawah tanah, kata Dato' Menteri Besar.

Meski melibatkan kos tinggi, agensi itu menurut Dato' Seri Amirudin Shari bertanggungjawab memantau pendaftaran dan penyusunan utiliti bagi mengelak insiden luar jangka.

"Kadangkala kerajaan terpaksa ber-

belanja lebih kerana pengalihan utiliti diperlukan untuk suatu projek infrastruktur. Kosnya adakala meningkat antara empat ke lima kali ganda.

"Menerusinya, perancangan dapat disediakan awal, projek direncana siap ikut jadual dan dapat menyusun kemudahan yang ingin dibangunkan supaya kos lebih efektif," katanya pada 25 Ogos.

Beliau mengulas perancangan dan persediaan Kerajaan Negeri ber-

hubung pemetaan utiliti bawah tanah berikutan insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Amirudin berkata kejadian luar jangka di Jalan Masjid India peringatan buat semua supaya lebih berhati-hati.

Pada 23 Ogos, seorang pelancong dari India hilang selepas terjatuh dalam lubang lapan meter berikutan insiden tanah jerlus pada jam 8.20 pagi.

Turapan bermula September

Tumpu baiki jalan rosak teruk

Oleh **SHEDA FATHIL**

SABAK BERNAM - Projek Turapan Mega 2.0 yang dijadual bermula pada September memberi tumpuan kepada jalan raya yang mengalami kerosakan kritikal, kata EXCO infrastruktur Ir Izham Hashim.

Beliau menjelaskan Infracel Sdn Bhd (Infracel), syarikat penyelenggara jalan negeri, giat meneliti laluan yang mengalami kerosakan teruk sebelum kerja sedemikian dijalankan.

"Kita terima banyak permohonan

untuk turapan jalan tetapi kali ini kita teliti dan pilih berdasarkan keutamaan berbanding tahun sebelum ikut daerah dan pihak berkuasa tempatan.

"Selepas dikenal pasti, kita akan mula kerja turapan jalan mega pada September berdasarkan keutamaan mengikut kriteria ditetapkan," katanya pada 21 Ogos.

Ir Izham memberitahu pentadbiran negeri juga akan menggunakan jentera baharu berteknologi tinggi yang diimport dari United Kingdom khususnya dalam membuat tampalan jalan.

"Ia berbeza sedikit berbanding kaedah

sekarang dan kerja tampalan lebih cepat. Perkara ini akan diumumkan menerusi majlis pelancaran jentera itu pada bulan hadapan," katanya.

Pada tahun lalu, Kerajaan Selangor berbelanja RM50 juta bagi menjayakan projek turapan besar-besaran meliputi jarak 94.9 kilometer untuk meningkatkan kemudahan penduduk.

Kerja itu melibatkan 66 laluan di Petaling, Klang (39), Gombak (29), Hulu Langat (27), Sepang (19), Sabak Bernam (17), Kuala Langat (16), Kuala Selangor (11) dan Hulu Selangor (8).

Selain itu, lebih 39,000 kerja turapan jalan dijayakan Infracel bagi memastikan kelesaan pengguna sejak 2021.

Infracel tinjau sebelum baiki jalan

SHAH ALAM - Syarikat penyelenggara jalan Selangor, Infracel Sdn Bhd (Infracel) turun padang meninjau jalan rosak di seluruh negeri sebelum Projek Turapan Mega dilaksanakan.

Eksekutif operasinya berkata pendekatan itu berbeza dengan tahun lalu yang mana kelulusan baik pulih jalan diberikan mengikut senarai daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan aduan orang ramai di laman sosial.

"Tahun ini PBT akan kenal pasti jalan bermasalah. Mereka akan serahkan senarai kepada kita dan kita turun menin-

jau jalan itu sebelum memutuskan tindakan selanjutnya.

"Langkah ini lebih berkesan sekali gus menjamin keselamatan pengguna. Kita pilih sama-sama, kenal pasti jalan bermasalah," kata Abdullah Hanif Abdul Ghalib pada 23 Ogos.

Beliau berkata pihaknya selesai meninjau jalan di empat PBT termasuk Majlis Bandaraya Diraja Klang dan kerja turapan akan dilakukan selepas semua proses selesai.

Awal bulan ini, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim memaklumkan Pro-

jek Turapan Mega diteruskan tahun ini melibatkan peruntukan RM20 juta bagi memastikan jalan dalam keadaan baik sekali gus menjamin keselamatan pengguna.

Menerusi peruntukan tambahan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia, projek melibatkan semua laluan termasuk jalan negeri, PBT dan kampung.

Pemilihan jalan untuk kerja baik pulih itu berdasarkan aduan tertinggi daripada orang awam yang dilaporkan menerusi Twitter atau aplikasi Infracel.

WAKTU SOLAT	29 OGOS - 4 SEPT 2024 24 - 30 SAFAR 1446H	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	29 Khamis	5:50	6:00	7:07	1:17	4:27	7:22	8:31	5:52	6:02	7:09	1:19	4:29	7:24	8:34	5:51	6:01	7:09	1:17	4:28	7:22	8:31
	30 Jumaat	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:21	8:31	5:52	6:02	7:09	1:19	4:28	7:24	8:33	5:51	6:01	7:08	1:17	4:27	7:21	8:31
	31 Sabtu	5:50	6:00	7:07	1:16	4:25	7:21	8:30	5:52	6:02	7:09	1:19	4:27	7:23	8:33	5:51	6:01	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31
	01 Ahad	5:50	6:00	7:07	1:16	4:24	7:20	8:30	5:52	6:02	7:08	1:18	4:26	7:23	8:32	5:51	6:01	7:08	1:16	4:25	7:20	8:30
	02 Isnin	5:50	6:00	7:07	1:16	4:23	7:20	8:30	5:52	6:02	7:08	1:18	4:25	7:22	8:32	5:51	6:01	7:08	1:16	4:24	7:20	8:30
	03 Selasa	5:49	5:59	7:06	1:15	4:22	7:20	8:29	5:52	6:02	7:08	1:18	4:24	7:22	8:31	5:50	6:00	7:07	1:16	4:23	7:20	8:29
	04 Rabu	5:49	5:59	7:06	1:15	4:21	7:19	8:29	5:51	6:01	7:08	1:17	4:23	7:21	8:31	5:50	6:00	7:07	1:16	4:22	7:19	8:29

Semarak JIWA MERDEKA

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEMERDEKAAN KE-67

Ikhlas daripada

Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan & Kakitangan Kumpulan MBI



#KitaSelangor



THRIVE²⁸
MEMACU KEHIDUPAN



Awasi penularan cacar monyet

SHAH ALAM - Individu yang merancang untuk melawat negara yang ada kes cacar monyet atau mpox dinasihatkan menghindari sebarang kegiatan berisiko dan mengamalkan gaya hidup sihat.

EXCO kesihatan awam berkata pengembara yang kembali dari negara berisiko terutama Republik Demokratik Congo (DRC) dan rantau Afrika perlu memantau kesihatan diri selama 21 hari.

Jamaliah Jamaluddin turut mengingatkan individu dengan sejarah aktiviti berisiko dan bergejala menjalani pemeriksaan untuk memastikan diagnosis tepat dan mengelak penularan lanjut.

"Selangor bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri untuk memantau situasi mpox di dalam dan luar negara dan mengumumkan perkembangan terkini dari semasa ke semasa," katanya pada 23 Ogos.

Tingkat mutu kerja kakitangan

SHAH ALAM - Seramai 24 kakitangan anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dianugerah Sijil Pengamal Sumber Manusia (CHRP) selepas menamatkan kursus jangka pendek di Universiti Selangor (Unisel).

Kakitangan daripada 13 anak syarikat MBI itu mengikuti pengajian bidang pengurusan sumber manusia selama enam bulan kendalian Pusat Pembangunan Profesional dan Perniagaan (PROBIS), Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Unisel.

Presiden dan Naib Canselor Unisel Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman berkata program tersebut melibatkan enam modul mengenai teori dan praktikal berkaitan bidang pengurusan sumber manusia.

"Saya lihat kursus begini memberi kesan positif dan nilai tambah kepada pegawai anak syarikat dan membolehkan mereka jalankan tugas dengan lebih berkesan kerana sumber manusia ini bukan suatu perkara mudah melibatkan manusia dan organisasi," katanya.

Teliti cadangan nilai baharu

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selayang (MPS) menerima 9,663 bantahan kadar cukai taksiran baharu setakat 23 Ogos, kata yang dipertuannya.

Shahman Jalaludin berkata jumlah bantahan diterima itu adalah 21.95 peratus daripada keseluruhan pemegang harta iaitu 44,029 akaun.

"MPS telah memulakan proses pendengaran bantahan nilai cukai taksiran bermula pada 1 Julai sehingga 31 Ogos. Kita mengambil maklum semua bantahan yang diterima sepanjang proses ini berjalan.

"Selepas ini, MPS akan membawa kadar nilai baharu yang dicadangkan untuk kelulusan Kerajaan Negeri," katanya dalam mesyuarat penuh bulanan pada 26 Ogos.

Selhac sasar transaksi RM60 juta

SHAH ALAM - Sebanyak 60 peratus syarikat yang menyertai Persidangan Halal Antarabangsa Selangor (Selhac) pada Oktober disasar mendapat padanan niaga untuk mengembangkan produk.

Menurut EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah, padanan melalui perjanjian persefahaman dijangka mencapai transaksi niaga lebih RM60 juta, naik 10 peratus berbanding tahun lalu.

"Sepanjang empat hari berlangsung, Selhac menyediakan kira-kira 80 reru-

ai. Setakat ini, 50 syarikat membuat tempahan, kebanyakan mereka peniaga kecil dan sederhana (PKS) negeri ini.

"Memandangkan program bersekali Sidang Kemuncak Niaga Selangor (SIBS), segmen Ekspo Antarabangsa Selangor (makanan dan minuman), kita jangka pengunjung meningkat," katanya pada 26 Ogos.

Katanya, Selhac edisi ketiga bertema Merencanakan Ekosistem Halal memberi tumpuan untuk mempercepat pen-sijilan halal bagi PKS, mengoptimum-

rantaian bekalan logistik dan membudaya inovasi digital halal.

Mula diperkenalkan pada 2022, Selhac yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) hasil penyertaan lebih 200 pempamer merekod transaksi bernilai RM37.73 juta.

Tahun lalu, sidang tersebut berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur menyasarkan nilai padanan perniagaan sebanyak RM50 juta selain kehadiran lebih 8,000 pengunjung.

Boleh rayu di pejabat DUN

22,840 layak dapat bantuan RM300

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Sebanyak 22,840 permohonan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) diluluskan selepas tarikh tutup pada 15 Ogos, kata EXCO Kebajikan Anfaal Saari.

Menjelaskan ada 7,160 baki kuota, beliau memberitahu pihaknya giat menyaring senarai pemohon bagi memastikan hanya yang benar-benar layak menerima bantuan RM300 sebulan selama 24 bulan.

"Kita menerima 88,286 permohonan sejak dibuka 5 Julai hingga 15 Ogos. Kita ada peruntukan dan mereka yang gagal boleh membuat rayuan di pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing.

"Pengurusan DUN akan teliti kelayakan pemohon yang membuat rayuan. Inisiatif ini antara langkah negeri untuk meringankan beban rakyat," katanya pada 21 Ogos.

Pada 5 Julai, Anfaal mengumumkan syarat permohonan BINGKAS dilonggarkan kepada isi rumah bawah

RM5,000 berbanding RM3,000 sebelum ini bagi memastikan lebih ramai menerima manfaat.

BINGKAS antara sebahagian daripada 46 insentif Iltizam Selangor Penyayang yang dilancarkan pada 2022, menggantikan skim Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS IT (Ibu Tunggal).

Bayaran bantuan berkenaan diagih menerusi aplikasi e-dompot Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) bagi memudahkan penerima berbelanja.

RM52 bilion bina 17 pusat data

SHAH ALAM - Sebanyak 17 lagi pusat data bakal beroperasi sekitar negeri ini menjelang tahun depan melibatkan kos pembangunan RM52 bilion, kata EXCO pembangunan inovasi.

Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata banyak syarikat mahu melabur dalam industri tersebut berikutan hampir keseluruhan negeri ini memiliki rangkaian 5G, sekali gus memudahkan urusan perniagaan.

"Angka ini permohonan baharu dan kita akan laksanakan. Ini tidak ter-

masuk pusat data yang dibangunkan Google di Elmina Business Park bernilai lebih RM9 bilion.

"Kita miliki rangkaian 5G yang meluas menyebabkan syarikat yakin untuk melabur. Sekarang banyak urusan berjalan secara digital dan kita perlu manfaatkan," katanya pada 25 Ogos.

Bercakap dalam program Sembang Santai anjuran Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Dr Fahmi menjelaskan lebih 96 peratus kawasan di Selangor memiliki rangkaian 5G se-

takat ini.

Beliau menjangka liputan rangkaian 5G mencapai 100 peratus tahun depan bagi melengkapkan infrastruktur, sesuai dengan status Selangor sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara.

Tahun lalu, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor menandatangani memorandum persefahaman dengan syarikat dari Singapura, RDA Ventures Pte. Ltd bagi membangunkan tiga pusat data di Cyberjaya.

Usaha lindungi ekosistem bakau

SHAH ALAM - Lebih 70 sukarelawan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) menyertai program pembersihan dan pemulihan bakau di Taman Mangrove Point, Pelabuhan Klang, baru-baru ini.

Mereka meluangkan masa hampir tiga jam untuk mengutip sampah selain menanam semula 100 pokok bakau minyak dan bakau kurap sempena Hari Pemuliharaan Ekosistem Hutan Bakau.

Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Datuk Seri Darwis Abdul Razak berkata inisiatif itu bertujuan mendukung usaha Gerbang Maritim Selangor untuk meningkatkan ekosistem bakau.

Beliau menjelaskan inisiatif yang turut disokong Jabatan Perhutanan Selangor bakal membantu menjadikan Taman Mangrove Point sebagai antara destinasi baharu untuk ekopelancongan.

"Usaha ini menyumbang persekitaran mampan untuk generasi akan datang," katanya sambil menambah peserta juga dididik berhubung sistem pemantauan kualiti air sepanjang Sungai Klang.

Darwis berkata pihaknya akan terus menyokong inisiatif melindungi alam sekitar dan warisan semula jadi selain menjelaskan jajaran rel projek ECRL telah mengambil kira aspek berkenaan.



MALAYSIA MADANI

Jiwa Merdeka

31 OGOS 2024

Tulus Ikhlas Daripada
Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan
Serta Kakitangan



Kumpulan Semesta Sdn Bhd
Dan Anak Syarikat

**KUALA LANGAT
MINING**



**Darul Khusus
Venture Sdn Bhd**



**KSSB
CONSULT**

AQUASEL

Pastikan kemudahan di PPS selesa

SHAH ALAM - Semua kemudahan di pusat pemindahan sementara (PPS) seluruh Selangor diteliti semula bagi memastikan ia berada dalam keadaan baik dan selesa.

EXCO kebajikan masyarakat berkata tindakan itu susulan terdapat pusat pemindahan berada dalam keadaan daif dan tidak sesuai untuk warga emas serta orang kurang upaya.

"Baru-baru ini, berlaku kejadian banjir di Merbau Sempak. PPS yang diduduki atapnya bocor, tandas rosak. Saya usulkan semua PPS di negeri ini diteliti semula khususnya berkaitan infrastruktur.

"Walaupun kita nak menyelamatkan mereka di PPS tetapi penempatan ini mesti siap siaga walaupun tidak sempurna dan kita tidak mahu ada insiden bumbung bocor dan sebagainya," kata Anfaal Saari pada 27 Ogos.

Individu narsistik perlu rawatan

SHAH ALAM - Individu narsistik disarankan mendapatkan rawatan segera bagi mengelak kesan negatif terhadap diri sendiri atau masyarakat sekeliling.

Ahli Psikologi Klinikal Pusat Kaunseling Selangor Megat Syaiful Izuudin berkata golongan ini tidak sedar mereka mengalami gangguan personaliti hingga menjejaskan orang lain.

"Individu yang ada sifat narsistik ini kebanyakan mereka tidak sedar yang mereka ada ciri tersebut sebab bagi mereka ciri-ciri ini tidak memberi kesan buruk kepada mereka.

"Tapi sebaliknya memberi kesan buruk kepada orang sekeliling mereka. Tapi bagi mereka itu bukan satu keburukan dan menjejaskan hidup dia.

"Sebab itu dia rasa tiada masalah pada dia untuk mempamerkan karakter dekat orang sekeliling," katanya dalam program Hai Selangor pada 27 Ogos.

Tawaran bimbingan digital percuma

SHAH ALAM - Seramai 200 peserta berpeluang menerima bimbingan keusahawanan digital secara percuma melalui program Selangor 1000 Digital pada 5 September di Hulu Langat.

Menurut Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec), program tersebut dijadual berlangsung di Dewan Seri Cempaka, Kajang antara 9 pagi hingga 5 petang.

"Belajar secara percuma daripada pakar industri seperti TikTok Shop, Touch 'n Go eWallet, Maxis Business dan banyak lagi," kata kenyataan di Facebook baru-baru ini.

Terhad kepada 200 peserta, orang ramai boleh mendaftar menerusi pautan t2u.asia/e/35232

Juruukur menang rumah baharu

SHAH ALAM - Impian penolong juruukur memiliki rumah pertama selepas 20 tahun menetap di Selangor tercapai apabila menang hadiah cabutan utama Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024.

Mohamad Redzuan Daud, 39, memenangi sebuah unit apartmen servis di Serasi Residences, Putra Heights Sentral bernilai RM500,000 selepas menyertai e-Peraduan MSAM 2024.

"Ini pertama kali saya memenangi cabutan bertuah. Hari pertama saya datang kerana ikut jabatan tetapi hari kedua saya datang sendiri kerana ingin sertai peraduan untuk pengunjung.

"Langsung tidak sangka, ini perta-

ma kali saya sertai peraduan, tiba-tiba diumumkan pemenang," katanya selepas majlis penutupan MSAM 2024 di Pusat Konvensyen Setia City pada 25 Ogos.

Serasi Residences dibangunkan Sime Darby Property Berhad, koleksi apartmen servis pegangan bebas terdiri 1,428 unit di Putra Heights Sentral iaitu Pembangunan Berorientasi Transit (TOD) pertama syarikat itu.

MSAM 2024 yang berlangsung antara 22 hingga 25 Ogos menyediakan hadiah kira-kira RM1 juta untuk pe-

ngunjung antaranya sebuah kediaman dan kenderaan elektrik BYD Dolphin Standard.

Selain kegiatan berkaitan celik kewangan dan perkongsian ilmu, beberapa program unik dijalankan antaranya Festival Muzik Mini, Karnival Makanan Mini (Maybank Islamic MAE-Dan Selera) dan Festival Auto.

Kira-kira 50 pempamer terdiri syarikat Kumpulan PNB, ejen ASNB, badan kawal selia dan agensi negeri turut meyertai program berkenaan yang meliputi pameran pendidikan pelaburan.



Bantu 5,857 pelajar lanjut pengajian

PNB salur biasiswa RM430.1 juta

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Permodalan Nasional Berhad (PNB) memberi anugerah biasiswa bernilai RM430.1 juta kepada 5,857 pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Pengerusi Kumpulannya Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda menjelaskan penekanan dalam aspek pendidikan antara insiatif PNB bagi mengimbangi keuntungan dengan pelaburan sosial.

"Kami pastikan pulangan mampan

bagi pemegang unit sambil menyumbang kemajuan sosioekonomi negara," katanya dalam perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) pada 22 Ogos.

Acara di Pusat Konvensyen Setia City di sini disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Turut hadir, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Raja Arshad memberitahu PNB turut menyumbang RM6 juta sepanjang tahun lalu dengan 95 peratus diperuntuk bagi pembangunan masyarakat selain pendidikan.

"Sumbangan itu antaranya bernilai RM5 juta kepada lebih 18,500 penerima

dan 60 sekolah terjejas banjir kilat pada November 2022 dan berterusan hingga Mac tahun lalu," katanya.

Beliau menambah PNB memberi dividen RM13.3 bilion tahun lalu, menjadikan keseluruhan agihan pendapatan sejak institusi berkenaan ditubuh berjumlah RM249.2 bilion.

Menurutnya, penganjuran MSAM sejak 2000 bertujuan berkongsi ilmu perancangan kewangan dan pelaburan demi meningkatkan tahap ekonomi rakyat yang memanfaatkan lebih 4.3 juta orang.

Acara berakhir 25 Ogos menawarkan pelbagai aktiviti membabitkan pengunjung yang menyediakan ganjaran keseluruhan kira-kira RM1 juta.



Bantu masyarakat atur kewangan

SHAH ALAM - Minggu Amanah Saham Malaysia (MSAM) anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) membuka peluang Malayan Banking Berhad (Maybank) meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai perancangan kewangan masa depan.

Selaku rakan korporat PNB, Ketua Beliau dan Perbankan Awamnya Hani Nazrina Hanizar berkata pihaknya menawarkan pelbagai aktiviti di reruai sepanjang empat hari program berkenaan bermula 22 Ogos.

Menurutnya, antara kempen menarik itu termasuklah peluang pengunjung memenangi Proton X70 sekiranya membuka akaun simpanan Maybank sepanjang MSAM dan mengekalkan simpanan

RM2,500 sehingga Januari 2025.

"Ini kali yang ke-24 Maybank menyertai MSAM dan konsep yang kami bawakan kali ini adalah memberikan solusi menyeluruh kepada pelanggan berlandaskan nilai kelestarian.

"Apa yang kita bawakan kali ini ialah pendidikan literasi kewangan dan perkhidmatan perbankan yang mudah diakses dan mampu dimiliki oleh semua pelanggan," katanya di Pusat Konvensyen Setia City pada 24 Ogos.

Ketua pengurusan inovasi perbankan awam Maybank berkata pengunjung

yang berminat dengan pelaburan pembiayaan Amanah Saham Bumiputera turut berpeluang menikmati promosi serendah 4.25 peratus dengan bayaran bulanan serendah RM49.

"Pelbagai aktiviti ditawarkan untuk semua peringkat usia termasuk peluang membelai harimau menerusi teknologi Augmented Reality (AR)," kata Muhammad Razif Abd Razak.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj diiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan ke majlis Lawatan Diraja sempena MSAM di sini.





Pacu sektor ekonomi

OLEH NADIAH ZAMLUS

Selangor mencipta sejarah dengan merekod kejayaan baharu apabila menyumbang 25.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2023. Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pada 2 Julai itu juga menunjukkan negeri ini sekali lagi menjadi penyumbang tertinggi kepada KDNK (jadual 2).

Meningkat 0.4 peratus berbanding 2022, nilai ekonomi Selangor juga pertama kali mencecah RM406.1 bilion sekali gus negeri pertama di Malaysia melebihi paras RM400 bilion.

“Saiz dan nilai ekonomi Selangor adalah lebih besar meskipun jika nilai ekonomi negeri-negeri utama lain seperti Johor, Sarawak, dan Pulau Pinang digabungkan.


“Pada masa sama, Selangor negeri yang mencatat pertumbuhan ekonomi yang paling tinggi pada 2023, iaitu peningkatan 5.4 peratus dari tahun 2022,” kata Dato’ Menteri Besar.

Rentetan itu, Dato’ Seri Amirudin Shari yakin pembangunan sektor semikonduktor berupaya membantu Selangor menyumbang RM500 bilion kepada KDNK dalam tempoh tiga tahun.

“Inilah matlamat kita. Ini penting jika kita mahu menjadikan Selangor sebagai negeri pertama di Malaysia memiliki nilai ekonomi RM500 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang,” katanya pada 6 Ogos.

Terus mencipta kejayaan, Selangor muncul negeri baharu berpendapatan tinggi berdasarkan Laporan Bank Dunia setakat Julai,

GNI per kapita (RM)



Jadual 1

kata pakar ekonomi Bank Dunia di Malaysia Dr Apurva Sanghi.

Negeri mencapai pendapatan negara kasar (GNI) USD14,291 (RM67,374), melepasi paras GNI per kapita peringkat negeri iaitu USD14,005 (RM66,026) (jadual 1).

GNI per kapita mengumpul bilangan keluaran penduduk sesebuah negara. Kekayaan negeri dibahagi bilangan penduduk, misalnya Selangor dihuni tujuh juta orang berbanding Sarawak kurang tiga juta penduduk.

Selangor kekal negeri pilihan pelabur dengan meraih RM12.4 bilion pada suku pertama tahun ini berdasarkan laporan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida).

Laporan pada 21 Jun itu menyebut 8,377 peluang kerja diwujudkan hasil kelulusan 363 projek, meningkat 66.8 peratus berbanding suku pertama 2023 iaitu RM7.44 bilion.

Pencapaian berkenaan meneruskan prestasi negeri yang memberangsangkan dalam usaha menarik pelabur. Tahun lalu, pelaburan sektor pembuatan naik 40 peratus kepada RM19.31 bilion berbanding 2022.

Ia termasuk pelaburan Google LLC bernilai RM9.4 bilion di Taman Perniagaan Elmina di Sungai Buloh, Shah Alam. Pengumuman syarikat gergasi teknologi berpangkalan di Amerika Syarikat untuk membangunkan pusat data dan wilayah Google Cloud pertama di Malaysia membuka 26,500 peluang kerja menjelang 2030.

Sepanjang 12 bulan pembentukan Kerajaan Negeri, sektor semikonduktor dikenal pasti antara nadi penting ekonomi dan galakan menarik pelaburan asing, selain pembuatan dan perkhidmatan.

Sebahagian usaha menjadikan sektor itu lebih

berdaya saing dibuat melalui pembukaan taman reka bentuk litar bersepadu (IC) dan pemacu semikonduktor Malaysia di Puchong, Subang Jaya.

Pembangunan taman reka bentuk IC dijangka menjana pulangan ekonomi sehingga RM1 bilion, menurut Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

Merencanakan lagi sektor perkhidmatan negeri, prasarana maritim dibangunkan dengan membina pelabuhan ketiga di Pulau Carey, Kuala Langat supaya Selangor kekal relevan sebagai laluan singgahan kapal dagangan rantau ini.

Pada 28 Mei, Dato’ Menteri Besar berkata rancangan bawah projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS) itu juga memberi pulangan ekonomi berterusan kepada negeri.


Pencapaian berterusan itu juga meningkatkan lagi pendapatan isi rumah golongan penengah di Selangor sekali gus melepasi sasaran Rancangan Malaysia ke-12.

Membentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama (RS-1), Amirudin memberitahu pendapatan bulanan terkini kelompok itu mencapai RM9,983 berbanding RM9,290 menjelang 2025.

“Kejayaan ini mencerminkan kestabilan dan kemajuan ekonomi di Selangor serta usaha berterusan Kerajaan Negeri dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat,” katanya di Dewan Negeri Selangor.

Pendapatan isi rumah penengah antara satu daripada empat petunjuk makro bawah Teras 2 Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial dalam dokumen RS-1.

PERATUSAN SUMBANGAN KDNK SELANGOR



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2



Kongsi kemakmuran

Oleh NADIAH ZAMLUS

Setahun selepas pilihan raya enam negeri pada Ogos tahun lepas, Selangor terus melangkah cemerlang. Dipimpin Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari untuk penggal kedua, Kerajaan Negeri yang dibarisi EXCO dari Pakatan Harapan dan Barisan Nasional terus mengekalkan kestabilan negeri.

Dalam tempoh 12 bulan, sebahagian besar janji untuk membela rakyat berpendapatan rendah, pelajar, pentadbir masjid, ibu bekerja dan mahasiswa ditunaikan secara berperingkat.

Program Jualan Ehsan Rakyat yang memanfaatkan lima juta penduduk diteruskan. Jenis produk ditambah manakala lokasi jualan ditingkat kepada 1,800 lokasi. Mereka menikmati pembelian barangan dapur yang subsidiannya ditampung Kerajaan Selangor melalui peruntukan RM18.1 juta.

Misi meningkatkan taraf hidup rakyat juga diperkasa. Julai lalu, Kerajaan Negeri melonggar syarat kelayakan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS), daripada isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 kepada RM5,000 sebulan.

Langkah berkenaan supaya lebih ramai mendapat manfaat RM300 sebulan melalui peruntukan RM108 juta sekali gus BINGKAS antara program bantuan kewangan terbesar berbanding negeri lain.

Pengecualian cukai taksiran 426,656 unit kediaman kos rendah dan rumah kampung pula melegakan rakyat berpendapatan bawah RM5,000 sebulan melalui kaedah permohonan. Ia membabitkan kesan kewangan RM29.4 juta.

Demi membina generasi berilmu, Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) ditambah baik termasuk membangunkan aplikasi dalam talian bagi memudahkan pelajar mengakses bahan pembelajaran. Program itu disertai lebih 230 sekolah hasil peruntukan RM10 juta termasuk membiayai kos makan tengah hari pelajar.

Inisiatif lain yang mendapat tumpuan antaranya perkhidmatan van transit atas permintaan (Demand-Responsive Transit) atau DRT. Usaha itu membantu mencapai sasaran 60 peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding 40 peratus kenderaan persendirian.

Pertama kali diperkenal di negara ini, DRT meningkatkan capaian pengguna kepada pengangkutan awam. Setakat Jun, kira-kira 54,000 orang menggunakannya. Perkhidmatan itu melengkapkan kemudahan di laluan sempit yang tidak dilalui Bas Smart Selangor.

Perindah Islam

Aspek keagamaan juga tidak ketinggalan. Insentif untuk umat Islam yang menunaikan haji naik daripada RM500 kepada RM1,000. Bilangan penerima Insentif Haji Muassasah juga bertambah daripada 1,000 kepada 3,000 jemaah melalui peruntukan RM6 juta.

Selain wang tunai, mereka juga menerima kit syifa seperti ubat-ubatan, cecair pembasmi kuman, losyen dan pelembap bibir.

Dianjur buat kali kedua antara 26 Mei hingga 2 Jun, Festival Turath Islami Selangor dihadiri lebih 100,000 pengunjung. Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Akademi Pengajian Turath bagi memastikan pendidikan dalam kitab warisan Islam berterusan.

"Kita tidak mahu program turath ini menjadi program sekali lalu (touch and go) atau hanya dibuat tahunan, justeru Kerajaan Selangor berhasrat menjadikan pendidikan turath secara berterusan," kata Amirudin pada 22 Mei.

Selain itu, program Darul Ehsan Berselawat yang menghimpunkan sekitar 10,000 umat Islam pula bakal diperluas ke seluruh daerah tahun ini demi menyuburkan kerancakan ibadah.

"Saya juga rasa bersemangat untuk meneruskan acara seperti ini. Terima kasih kepada saudara Amirudin yang mencetus gegaran dari Selangor melalui selawat ini," kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim

Program berjaya dalam tempoh setahun

- peserta PTRS meningkat daripada 65,000 kepada 130,000 pelajar
- manfaat sehingga RM10,000 setahun untuk pemegang polisi Iltizam Selangor Sihat terima rawatan di hospital terpilih
- Hijrah sasar pembiayaan RM60 juta untuk bantu lebih ramai usahawan yang memerlukan pinjaman niaga
- wujudkan simpanan bekalan makanan berdaya tahan tiga bulan melalui peruntukan RM50 juta
- RM2.5 juta baik pulih Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Hicom, PPR Kota Damansara dan PPR Seri Kiambang di Serendah, Hulu Selangor
- lancar Dana Usahawan Madani Selangor melalui dana RM2 juta sokong usahawan kecil dan sederhana
- RM1.2 juta biayai kos 36 jemaah menunaikan haji secara percuma, dipilih daripada keluarga berpendapatan rendah
- geran RM60,000 kepada enam penggiat seni untuk perkasa hab industri kreatif

Sedang dilaksanakan

- sistem pengurusan empat kota besar Lembah Klang Raya
- RM145 juta pembangunan jalan raya dan prasarana seluruh negeri
- RM68 juta projek tebatan banjir dan pengurusan saliran

yang turut menyertai acara berkenaan pada 29 Julai 2023.

Kerja keras ini tentu hasil gandingan EXCO muka lama dan baharu demi membela segenap lapisan rakyat tanpa mengira kaum atau kecenderungan politik. Kesungguhan sedemikian membawa kepada kejayaan manifesto termasuk lima janji penting dalam tempoh 100 hari selepas pembentukan Kerajaan Negeri.



MALAYSIA MADANI

Jiwa Merdeka

31 OGOS 2024

Tulus Ikhlas Daripada
Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan
Serta Kakitangan
Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.



CENTRAL
SPECTRUM



MALAYSIA MADANI

Jiwa Merdeka

31 OGOS 2024

Tulus Ikhlas Daripada



مجلس تهرندارن سلاغ
Majlis Perbandaran Selangor

Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis,
Kakitangan dan Seluruh Penduduk Perbandaran Selangor

#KitaSelangor



Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah menyembelih lembu dalam program ibadah korban di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Petaling, Seksyen U5, Shah Alam pada 19 Jun



Ribuan jemaah menyertai Maulid Syarabut dan Qasidah serta Tausiyah Perdana sempena Festival Turath Islami Selangor di masjid negeri pada 31 Mei. Program itu antaranya mengupas kitab Hadis 40 Imam Nawawi




Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menerima cek cura Insentif Haji Muassasah RM3 juta dalam Kursus Perdana Haji di masjid negeri pada 28 April



Dato' Menteri Besar merasmikan Jembatan Bandar Saujana Putra, Kuala Langat pada 7 Julai. Pembinaan itu merungkit kesesakan trafik yang memanfaatkan 65,000 penduduk setempat



Nur Iklil Imtiaz Izwan, 15, dan Alyaa Khaisarah Mohd Al Ikhwan, 15, menunjukkan buku teks Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Saujana Putra pada 31 Julai



Pengunjung Pameran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2024 melawat reruai di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 25 Julai. Siri kedua SIBS pada Oktober



EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim (kiri) bersama Ahli Parlimen Kota Raja Datuk Seri Mohamad Sabu meninjau rumah pam baharu di Taman Sri Muda, Shah Alam pada 5 Ogos bagi menangani banjir



Amirudin meninjau pameran sempena pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama di Bangunan Annex, Shah Alam pada 4 Julai. Petan lima tahun itu bakal merancang ekonomi, membuka peluang kerja dan membasmi kemiskinan

DALAM tempoh setahun selepas pilihan raya negeri 2023, Kerajaan Selangor melipat ganda pelbagai usaha demi meneruskan tradisi membela rakyat.

Meski masih ada program dalam perancangan, usaha memperkasa ajaran Islam, mendidik pelajar, memupuk perpaduan, membina rumah mampu milik dan menaik taraf prasarana dijalankan secara berterusan.

Rancangan pembangunan dan usaha melonjakkan sektor ekonomi terus diperkukuh.

Kajian Separuh Penggal pelan pembangunan lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1) menyemak 16 penunjuk kejayaan termasuk meningkatkan pendapatan rakyat.

Program kemasyarakatan seperti Gagasan Rumpun Selangor dan Rewang Sekampung digerakkan bagi mengeratkan lagi hubungan pelbagai kaum.

Kejayaan negeri diteruskan bawah pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama 10 EXCO Kerajaan Perpaduan yang mengangkat sumpah pada 21 Ogos tahun lalu.

Lensa AHMAD ZAKKI JILAN, FIKRI YUSOF, HAFIZ OTHMAN, REMY ARIFIN, NUR ADIBAH AHMAD IZAM, MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN dan ZULFADHLI ZAKI merakam sebahagian program pembangunan negeri sepanjang 12 bulan lalu.

Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah gembira menyaksikan kerjasama penduduk dalam program Jalinan Kasih Mesra PPR Rewang Sekampung di Kampung Baru Hicom, Shah Alam pada 8 Jun



Pengunjung mengimbas kod QR Platform Selangor (PLATS) untuk menebus baucar RM5 di Setia Taipan, Shah Alam pada 7 Disember 2023. Seramai 37,000 peniaga menyertai PLATS setakat Julai sejak diperkenalkan pada 2020



Orang ramai mengunjungi Pameran Udara Selangor di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark, Shah Alam pada 7 September 2023. Sebanyak RM823 juta nilai transaksi dicatat dalam program tersebut



Calon Kerajaan Perpaduan di Kuala Kubu Bharu Pang Sock Tao mengedar risalah di pekan Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor pada 4 Mei. Beliau menang dengan majoriti 3,869 undi



Penerima rumah Selangorku Amirul Zahin, 30 (kanan) bersama ibu Jeliah Muhamad, 54 (tengah) ceria di ruang tamu selepas menerima kunci Pangsapuri Seri Temenggung, Gombak pada 22 September 2023



Petugas Infrasel Sdn Bhd menurap laluan di Jalan Telok Gong, Pelabuhan Klang pada 18 Januari. Dana RM50 juta disediakan bagi kerja turapan meliputi 94.9 kilometer di seluruh negeri tahun lalu



Kontraktor menjalankan pembersihan sebelum kerja meroboh Stadium Shah Alam pada 1 Julai. Pembangunan Kompleks Stadium Shah Alam dalam tiga fasa dijadual siap sepenuhnya menjelang 2029

Hanya 45 hektar ditakluk Portugis

Oleh FARIDZWAN ABDUL GHAFAR
Foto FIKRI YUSOF

Penguasaan Portugis di Melaka selama 130 tahun sebenarnya hanya meliputi Bukit Melaka dan kawasan pekan seberang Sungai Melaka iaitu Upeh dan Hilir – tiga kawasan luasnya 45 hektar sahaja.

Demikian tegas pensyarah undang-undang maritim Dr Hazmi Rusli yang menolak tanggapan umum kononnya Melaka ditakluk angkatan Portugis dalam serangan pada Ogos 1511.

Sebaliknya, bahagian lain negeri berkenaan kekal di bawah kedaulatan Kesultanan Melaka, kemudian diwarisi Kesultanan Johor-Riau.

Empayar Kesultanan Melaka meliputi seluruh Tanah Melayu sehingga Pattani, pantai timur Sumatera, Singapura dan Kepulauan Riau-Lingga.

Pensyarah Universiti Islam Sains Malaysia (USIM) itu menegaskan pasca-1511, Kesultanan Melaka disusuli Kesultanan Johor-Riau beberapa kali menyerang Portugis, menyebabkan kuasa barat itu gagal mengembangkan pengaruhnya.

Langkah itu termasuk mengepung kota A' Famosa, menyekat pelabuhan Melaka, melanun kapal dagang bersekutu dengan Portugis dan serangan hendap Portugis.

Strategi itu berjaya kerana Portugis terpaksa bertahan dan berlindung di balik tembok kota A' Famosa.

Keadaan Portugis amat berbeza berbanding dengan pendudukan kuasa itu ke atas Brazil (1500-1815), Mozambique di selatan Afrika (1505-1975) dan Timor, kini dikenali Timor Leste antara 1702 hingga 1975.

Di wilayah-wilayah tersebut, Portugis menguasai kawasan yang luas, menjarah sumber



Lukisan menunjukkan Kota A' Famosa dan sekitarnya oleh Antonio Barroco, 1635



“Pendudukan Portugis rasminya Bukit Melaka sahaja iaitu kota A' Famosa... Ayer Keroh pun tak sampai. Pekan... pasar bawah pengaruh Portugis. Sultan Melaka hilang tapak pentadbiran, pelabuhan dan pekan di seberang sungai sahaja”

DR HAZMI RUSLI

alamnya dan menjalankan dasar kristianisasi terhadap kaum pribumi.

“Pendudukan Portugis rasminya Bukit Melaka sahaja iaitu kota A' Famosa... Ayer Keroh pun tak sampai. Pekan... pasar bawah pengaruh Portugis.

“Sultan Melaka hilang tapak pentadbiran, pelabuhan dan pekan di seberang sungai saja,” katanya ketika ditemui pada 19 Julai sempena sambutan Bulan Kebangsaan.

Kehilangan kawasan berkenaan menyebabkan kerajaan Melayu itu hilang punca pendapatan terbesar sejak berdekad lamanya, hasil cukai pelabuhan dan perdagangan.

Bagaimanapun, Kesultanan Melaka masih berpengaruh antara 1511 hingga 1528 apabila negeri naungan dan wilayah taklukan membayar ufti dan cukai semasa Sultan Melaka

GARIS TAHUN SERANGAN

Portugis serang Melaka di Bintan, Sultan Mahmud Syah pindah ke Kampar, Sumatera. Baginda mangkat pada 1528

1526

Portugis serang Johor-Riau. Serangan dapat dipatahkan

1535

1536

Johor-Riau bergabung dengan Perak, Pahang dan Jawa kali kedua tetapi gagal

1551

1564

Johor-Riau serang Portugis. Serangan dibantu Belanda buat kali pertama tetapi gagal

1587

1608

1641

Portugis serang Johor-Riau di Sayong Pinang, Sungai Johor. Pentadbiran pindah ke Johor Lama

Johor-Riau bergabung dengan Perak, Pahang dan Jawa menyerang Portugis, tetapi gagal

Portugis serang Johor-Riau kali kedua. Serangan dapat ditumpaskan

Johor-Riau serang Portugis. Turut dibantu Belanda, serangan berjaya mengusir Portugis dari Melaka sepenuhnya.

FAKTA SERANGAN USIR PORTUGIS DARI MELAKA 1641

JOHOR-RIAU

- Ketua angkatan Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil
- 4,000 askar termasuk dari Naning dan Rembau
- 40 kapal perang

BELANDA

- Ketua angkatan Sarjan Mejar Adriaen Antonis
- 690 askar
- 242 kelasi
- 4 kapal perang

Sumber Tesis Malacca Beyond European Colonialism (15th-17th Centuries) oleh Daya Negri Wijaya, 2022

PORTUGIS

- Ketua angkatan Manuel de Sousa Coutinho
- 260 askar
- Penduduk di A' Famosa 2,000-3,000 orang



PUSAT PEMERINTAHAN JOHOR-RIAU 1530-1675

1530-1536 Sayong Pinang

1536-1564 Johor Lama

1564-1570 Bukit Seluyut

1570-1587 Johor Lama

1587-1617 Batu Sawar

1618-1625 Pulau Lingga

1625-1640 tiada lokasi tetap

1640-1675 Baru Sawar

Sumber Johore Lama and other ancient sites on the Johore River oleh CA Gibson-Hill terbitan Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, Mei 1955

Sultan Mahmud Syah memerintah dari Bintan di kepulauan Riau dan Kampar, Sumatera.

Meski Portugis ada menyerang Kesultanan Melaka, namun ia bermatlamat melemahkan asakan angkatan kerajaan Melayu itu terhadap Portugis.

“Portugis serang Bintan pada 1526 tetapi mereka tidak mendudukinya. Mereka serang, lepas itu patah balik berkubu di kota A' Famosa.

“Begitu juga serangan-serangan selepas itu terhadap Johor-Riau. Serang, patah balik... serang, patah balik (ke kota A'Famosa). Portugis takut dengan angkatan Melayu kita,” kata Dr Hazmi.

Apabila Sultan Mahmud Syah mangkat, Kesultanan Melaka dibahagi antara puteranya iaitu Raja Muzaffar yang beraja di Perak dan Raja Ali yang bertakhta di Johor-Riau pada 1528.

Kesultanan Johor-Riau muncul sebagai kerajaan Melayu paling berpengaruh dan mewarisi wilayah terbesar daripada Kesultanan Melaka.

“Portugis di Melaka gagal sebab serangan bertali-arus kesultanan Johor-Riau. Dibantu pula angkatan Perak dan Pahang. Ini menyukarkan Portugis.

“Tambah lagi waktu itu muncul pula Aceh sebagai kuasa serantau yang baharu. Mereka ada sistem ketenteraan yang lebih kompleks. Aceh selalu serang Portugis di Melaka,” katanya.

Perang Tiga Segi

Abad ke-16 menyaksikan tercetusnya Perang Tiga Segi di Selat Melaka memabitkan Johor-Riau, Aceh dan Portugis. Pertembungan geopolitik itu meranapkan impian Portugis untuk menguasai laluan perdagangan Selat Melaka.

Pada Jun 1551, Johor-Riau bergabung dengan Perak, Pahang dan Jawa menyerang Portugis. Ia disusuli ekspedisi serangan pada 1564 dan 1608, namun tidak berjaya mengambil Melaka.

Pada masa sama, Johor-Riau membentuk pertahanan ampuh dan mampu menangkis serangan Portugis pada 1535, 1536 dan 1587.

Kesultanan Johor-Riau kerap memindahkan pusat pemerintahannya sebagai strategi menghadapi ancaman Portugis dan Aceh.

Mengulas kekalahan angkatan Melaka pada 1511 dan 1526 dan kemudian angkatan Johor-Riau dalam beberapa pertempuran dengan Portugis, Dr Hazmi berpendapat kerajaan Melayu pada waktu tidak mempunyai sistem ketenteraan khusus.

Meski dilengkapi senjata api seperti meriam, lela, istinggar dan terakul, mereka masih

mengamalkan sistem kerah yang bergantung kepada rakyat tempatan sebagai askar selain tentera upahan.

Sistem itu memberi hak kepada pembesar tempatan mengarahkan rakyat terdiri petani, pesawah, nelayan dan ada kala pedagang sendiri untuk mengangkat senjata melawan Portugis.

“Kerajaan Melayu masa itu tiada unit askar yang betul-betul terlatih. Keadaan itu (berterusan) sampailah abad ke-19 di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar Johor.

“Baginda raja Melayu pertama asakan angkatan Melayu yang benar-benar terlatih iaitu Askar Timbalan Setia yang kita kenal hari ini,” katanya.

Dr Hazmi berkata kajiannya mendapati antara abad ke-16 hingga abad ke-19, hanya empat kerajaan di Asia Tenggara yang mempunyai unit askar terlatih iaitu Kesultanan Aceh, Kesultanan Demak di Jawa, Burma dan Siam.

Katanya, ia menjadi sebahagian punca kerajaan Melayu waktu itu gagal menghalau Portugis dari Bukit Melaka, lantaran kuasa kolonial itu ada askar terlatih meski beberapa ratus orang sahaja.

Mengikut rekod rasmi Portugis sepanjang 130 tahun di Bukit Melaka, bilangan orang Portugis yang tinggal di kota A' Famosa hanya sekitar 200 hingga 300 orang.

Kedatangan Belanda ke Asia Tenggara mengubah geopolitik serantau. Johor-Riau pantas menghidu peluang menyingkirkan Portugis dan menangkis ancaman Aceh dengan menjalin hubungan diplomatik dengan Belanda pada 1602.

Mengikut ahli akademik, Dr Mardiana Nordin dalam artikel Pengukuhan Kuasa Melayu: Perkembangan Politik Dan Pentadbiran Kesultanan Johor Sehingga Abad Ke-18 yang terbit pada Ogos 2021, Belanda menawarkan bantuan terhadap Johor-Riau menentang Portugis dan Aceh.

Selepas 1629, Belanda memperakui kedaulatan Johor-Riau apabila akur ketika diminta berkecuali dalam sengketa Johor dengan Aceh dan sebarang hal ehwal politik dengan Pahang.

Pada 1637, Sultan Johor-Riau Sultan Abdul Jalil III berjanji membantu Belanda mengusir Portugis dari Melaka. Belanda juga melaporkan dalam tahun sama, angkatan Johor-Riau merampas kapal-kapal Portugis di kepulauan Karimun dan menumpaskan kapal perang Aceh dalam pelayaran ke Pahang.

Pada 1639, Laksamana Johor-Riau Tun Abdul Jamil menandatangani perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) di Patani yang diwakili oleh Philip Lucasz.

Tun Abdul Jamil mewakili Sultan Johor

menyatakan kesediaan Johor-Riau bersama Belanda mengepung Portugis di Melaka, manakala Belanda membantu Johor membina mana-mana kota di Johor-Riau yang musnah ekoran Perang Tiga Segi.

Belanda juga menjanjikan kelengkapan perang seperti meriam dan senjata api kepada Johor-Riau sebagai balasan pakatan mereka itu di samping melindunginya daripada Portugis dan Aceh.

Usir Portugis

Menurut Dr Hazmi, serangan mengusir Portugis dimulakan pada Jun 1640 menerusi kepungan darat oleh angkatan Johor-Riau, manakala pasukan Tun Abdul Jamil bekerjasama dengan angkatan Belanda menyerang dari laut pada 2 Ogos tahun itu.

“Kajian awal saya dapati ada rekod Melayu lama sebut yang serangan darat pada 1640 dipimpin Bendahara Johor-Riau berpusat di Sungei Ujong menyusur Sungai Linggi ke Melaka buat kepungan,” katanya.

Ujarnya, pengepungan kota A' Famosa selama enam bulan menyebabkan tentera Portugis keputusan bekalan makanan dan kebuluran. Johor-Riau mengusir Portugis dari Melaka pada 14 Januari 1641.

Menjelaskan keengganan Kesultanan Johor-Riau mengambil semula Bukit Melaka, Upeh dan Hilir usai penyingkiran Portugis, Dr Hazmi berkata kerajaan Melayu itu tidak berminat kerana pelabuhannya hilang daya tarikan perdagangan akibat perang.

Malah, terlalu banyak kerosakan berlaku pada kota A' Famosa selain kos pembaikan tinggi menyebabkan sultan dan pembesar Johor-Riau menyerahkan Bukit Melaka dan kawasan sekitar kepada Belanda.

“Sebab lain ialah ganjaran kejayaan kerjasama antara Johor-Riau dan Belanda. Belanda jadikan pelabuhan Melaka pusat pengumpulan barang sebab lebih tumpukan pelabuhan Batavia di Jawa.

“Waktu itu pelabuhan Riau maju dan ulang balik kegemilangan pelabuhan Melaka lebih 100 tahun sebelum itu. Riau juga menjadi pusat kekayaan dan kegemilangan Empayar Kesultanan Johor-Riau,” katanya.

Mengulas lanjut, Dr Hazmi berkata Portugis boleh diusir lebih awal dari Selat Melaka sekiranya kerajaan-kerajaan rumpun Melayu tidak berperang sesama sendiri seperti Aceh menentang Johor-Riau.

“Pengajaran perlu diambil daripada sejarah bahawa hanya kita yang mampu pertahankan bangsa. Sejarah mungkin berbeza kalau kerajaan-kerajaan rumpun Melayu ini bersatu menentang penjajahan asing rantau ini,” katanya.

Tersisih dari merdeka

Oleh NOOR AZAM SHAIRI

Daripada sekian banyak catatan mengenai peranan dan sumbangan wartawan dalam perjuangan kemerdekaan, ada satu nota kaki sejarah yang cukup mengharukan hati – tentang A Samad Ismail yang tidak berada di tanah air ketika Malaya merdeka.

Pada pagi bendera Union Jack diturunkan secara rasmi di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur, Samad sudah tercampak ke Indonesia.

“Saya berangkat ke Jakarta sehari sebelum Malaya mengisytiharkan kemerdekaannya. Agak pilu sekali hati meninggalkan tanah air menjelang hari bersejarah,” tulis Samad dalam memoirnya yang diterbitkan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

Samad ditugaskan ke Jakarta atas arahan ketuanya, Yusof Ishak. Utusan Melayu ketika itu sedang dalam proses berpindah operasi dari Singapura ke Kuala Lumpur. Samad, yang ketika itu berumur 33 tahun, sudah 16 tahun berkhidmat dengan Utusan. Jawatannya timbalan ketua pengarang.

Samad berpendapat perpindahannya dibuat dengan tergesa-gesa. Yusof tidak menyebut berapa lama tugasannya di Jakarta sebaliknya cuma berkata: “Tunggu perintah selanjutnya.”

Yusof juga tidak membantu proses perpindahan itu, kata Samad. Semua diurusnya sendiri, selain tiada arahan yang jelas. Menurut Samad, arahan Yusof hanyalah “hantar berita dan rencana agama”.

Atas sebab itulah Samad beranggapan perpindahannya tanpa perancangan yang teliti. Mujur selama di Jakarta, Samad mendapat bantuan sahabatnya Adam Malik (kemudian naib presiden Indonesia) yang menolongnya mendapatkan pejabat dan tempat tinggal serta memperkenalkannya kepada beberapa tokoh politik republik itu.

Ketika arahan pindah itu keluar, kakitangan Utusan menganggapnya sebagai tidak adil. Mereka sedia untuk mogok demi membela Samad. Mereka juga menggesa Samad supaya tidak usah patuh kepada arahan Yusof.

Tinggal Utusan

Namun Samad tidak mahu bertindak balas, walaupun dia berpengaruh besar kepada parti-parti politik dan kesatuan buruh di Singapura pada masa itu. Samad akur tetapi dia juga sudah membulatkan tekad bahawa masanya di Utusan sudah berakhir.

Benar kata orang, setiap kali satu pintu tertutup, ada pintu lain yang terbuka. Tidak lama sebelum ke Jakarta, pada suatu tengah hari, ketika berjalan di depan pejabat Strait Times, Samad terserempak dengan ketua pengarangnya Leslie Hoffman.


Samad bertanya khabar tentang Straits Times hendak menerbitkan sebuah akhbar bahasa Melayu dalam rumi di Kuala Lumpur. Hoffman mengiyakan. “Kamu berminat?” Tanyanya kepada Samad.

Apa yang berlaku kemudiannya membuka bab baharu dalam kerjaya Samad sebagai wartawan. Samad yang mula bekerja dengan Utusan pada awal 1941, ketika umurnya 17 tahun, berhenti pada Mac 1958 selepas terbuang di Indonesia selama lebih kurang enam bulan.

Sayang sekali, Samad tidak menulis panjang tentang episod itu dalam memoirnya yang terbit pada 1993. Aneh, kerana ‘pembuangannya’ ke Jakarta menjadi batu tanda penting dalam kerjaya Samad sebagai wartawan.

Episod itu dicerita seperti tidak dengan sepenuhnya. Malah, kalau diteliti, ada kesilapan fakta yang besar tentang seluruh catatannya.

Misalnya, Samad menulis dia berhenti dari Utusan Melayu pada November 1958 tetapi dalam buku yang sama terlampir surat Yusof menerima peletakan jawatannya



Samad berpendapat perpindahannya dibuat dengan tergesa-gesa. Yusof tidak menyebut berapa lama tugasannya di Jakarta sebaliknya cuma berkata: “Tunggu perintah selanjutnya.”

berkuat kuasa 3 April 1958.

Cuma menariknya, Samad menimbulkan tanda tanya: Akal siapa sebenarnya sehingga dia tercampak ke luar negara dan terlepas melihat tanah airnya merdeka?


Benarkah seperti kata Yusof, dia terpaksa dihantar ke Jakarta kerana Ketua Menteri Malaya Tunku Abdul Rahman Putra tidak mahu Samad ikut berpindah ke Kuala Lumpur? Samad diketahui lantang mengkritik pentadbiran Tunku, yang antaranya dianggap masih tidak merdeka sepenuhnya daripada pengaruh British.

Atau apakah benar Yusof menggunakan nama Tunku untuk menutup keputusannya sendiri?

Pada beberapa bahagian dalam memoirnya, Samad secara berterus-terang menyebut hubungannya dengan Yusof tidak begitu baik. Dia mendakwa Yusof “agak iri hati dengan kewibawaan saya di Utusan” sehingga kemudian mencari-cari salahnya. Samad dan Yusof juga tidak sehaluan dalam menetapkan hala tuju Utusan.

Atau apakah penyingkiran Samad ke Indonesia ada kaitan dengan perkembangan politik di Singapura menjelang pilihan raya umum 1959?

Tiada siapa yang tahu secara pasti. Cerita itu tinggal menjadi nota kaki sejarah.





TELITI... Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia Ahmad Fahmi Mohd Samsudin (tengah) menunjukkan buku Jerusalem dalam Islam oleh Prof Dr 'Abd al-Fattah Al-'Awaysi al-Maqdisi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika Perasmian Muktamar Masjid SeMalaysia Untuk Al-Aqsa dan Palestin di Masjid Wilayah Persekutuan pada 25 Ogos. Foto BERNAMA

Kredit RM50 ke akaun berkunci

Pelaburan percuma untuk sejuta pelajar

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Sejuta pelajar baharu institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan vokasional menerima pelaburan produk Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebanyak RM50 secara percuma.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan, PNB dan syarikat korporat lain memberi dana RM50 juta untuk 200,000 pelajar setahun melalui program Celik Kewangan Belia Madani.

Beliau menjelaskan sumbangan berkenaan dikredit ke akaun pelajar bagi

mengalakkan mereka merancang kewangan sejak usia muda dengan menyimpan dan melabur dalam produk PNB.

"Sebanyak RM50 akan dikredit ke akaun Amanah Saham Bumiputera atau Amanah Saham Malaysia pelajar IPTA dan nilai ini akan dikunci bagi tempoh lima tahun.

"Sepanjang fasa ini, pelajar digalakkan untuk membuat simpanan berulang yang kecil setiap bulan untuk memupuk tabiat menabung," katanya di Pusat Konvensyen Setia City pada 22 Ogos.

Beliau merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2024 yang berakhir 25 Ogos. Hadir sama, Dato' Menteri Besar

Dato' Seri Amirudin Shari dan Pengerusi PNB Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Anwar yang juga menteri kewangan berharap inisiatif tersebut meningkatkan tahap kecelikan kewangan dan pelaburan dalam kalangan belia sekali gus menjamin masa depan lebih baik.

"Mudah-mudahan dengan simpanan tambahan dari dana asas itu boleh kita galakkan kefahaman tentang apa erti pelaburan dan jaminan masa depan.

"Kecelikan kewangan dan pelaburan ini diperkenalkan supaya ada minat komitmen untuk melabur. Jangan anggap remeh kepentingan celik kewangan dan pelaburan ini," katanya lagi.

Raih potensi dagangan RM8 bilion

SHAH ALAM - Lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke India selama tiga hari yang berakhir 22 Ogos berhasil meraih potensi perdagangan kira-kira RM8 bilion.

Beliau memberitahu ia meliputi sektor minyak sawit dan produk berasaskan minyak sawit, bahan dan produk kimia, minyak dan gas serta alat ganti kapal terbang, lapor Bernama.

Malaysia juga memperoleh komitmen pelaburan bernilai RM4.5 bilion daripada pelbagai sektor, kata Anwar lagi.

Perdana menteri memberitahu nilai perdagangan kedua-dua negara pada

tahun lalu berjumlah RM72.31 bilion melalui pelaksanaan 168 projek pelaburan bernilai RM4.5 bilion setakat Mac.

"(Ini) bakal mewujudkan 16,640 peluang pekerjaan," katanya yang mengakhiri lawatan rasmi tiga hari ke India pada 21 Ogos.

Beliau menambah kunjungan itu menyaksikan lapan memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dan India dimeterai selain tujuh lagi MoU melibatkan B2B (perniagaan kepada perniagaan).

Anwar berkata Perdana Menteri India Narendra Modi juga berminat untuk

meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang antaranya digital, pelancongan, pendidikan, penyelidikan dan budaya.

India antara negara dalam BRICS yang ditubuh pada 2009 selain Brazil, Rusia, dan China sebelum penyertaan Afrika Selatan setahun kemudian.

Iran, Mesir, Ethiopia, dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) pula diterima menyertai blok ekonomi tersebut pada 2024.

Pada 18 Jun, Anwar mengesahkan beliau menyuarakan hasrat Malaysia untuk menyertai BRICS kepada Presiden Brazil Luiz Inácio Lula da Silva.

25 kes disyaki cacar monyet negatif

SHAH ALAM - Sebanyak 25 daripada 31 kes disyaki cacar monyet setakat 26 Ogos disahkan negatif manakala enam lagi dalam pemantauan, kata Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau memberitahu jangkitan sedemikian di negara ini kekal sembilan kes yang pertama kali dilapor pada 26 Julai 2023 dan terakhir pada November tahun sama, lapor Bernama.

"Dari Disember 2023 hingga kini, tiada kes cacar monyet," katanya pada 26 Ogos.

Katanya, langkah segera diambil ekoran peningkatan kes itu di negara jiran dengan memperkukuhkan pemeriksaan di pintu masuk negara dan mengaktifkan 10 makmal untuk ujian pengesanan.

Pada 14 Ogos, Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengisytiharkan cacar monyet sebagai kecemasan kesihatan awam global yang menjadi kebimbangan antarabangsa.

Atasi 757 projek swasta terbengkalai

SEPANG - Sebanyak 757 projek perumahan swasta terbengkalai meliputi 89,165 unit dipulihkan antara tahun 2022 hingga Julai lalu membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM63.27 bilion.

Timbalan menteri perumahan menjelaskan penyelesaian masalah itu dibuat kurang dua tahun selepas pasukan petugas Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai ditubuh pada Disember 2022.

"Bermula Januari sehingga 31 Julai lalu, sebanyak 305 projek melibatkan 35,468 unit perumahan swasta sakit dan terbengkalai berjaya dipulihkan dengan GDV RM23.46 bilion.

"Jumlah projek yang dipulihkan ini merangkumi 286 projek yang mendapat perakuan siap dan pematuhan hasil intervensi yang dilakukan Kementerian," kata Datuk Aiman Athirah Sabu.

Ditemui selepas melawat projek perumahan swasta terbengkalai di Taman Desa Anjung Putra pada 26 Ogos, beliau berkata Selangor mencatat jumlah projek sakit tertinggi diikuti Pahang, Perak dan Johor.

Eksport durian naik 256 peratus

SHAH ALAM - Nilai eksport durian diunjur meningkat kepada RM1.8 bilion menjelang 2030, menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Prestasi eksport antara 2018 hingga 2022 melonjak 256.3 peratus atau peningkatan RM822.8 juta. Pada 2022, eksport ke seluruh dunia bernilai RM1.14 bilion, tertinggi dalam sejarah.

Mengikut kenyataan, durian secara keseluruhan menyumbang 58.6 peratus nilai eksport buah-buahan negara pada 2022 daripada nilai keseluruhan RM2.01 bilion, lapor Bernama.

Dana RM45 juta senggara alatan PGA

SHAH ALAM - Pasukan Gerakan Am (PGA) menerima peruntukan RM45 juta daripada Kementerian Dalam Negeri pada tahun lepas untuk penyelenggaraan dan perolehan kelengkapan kemudahan.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Datuk Seri Mohd Kamarudin Md Din berkata RM14.4 juta diamanaah kepada Briged Tengah PGA untuk menjayakan projek tersebut.

Katanya, Batalion 4 PGA pula membelanja RM6.89 juta bagi menjalankan 21 projek pembaikan dan menaik taraf 16 pos kawalan di sepanjang pesisir pantai di Selangor, lapor Bernama.

"Ini usaha berterusan polis dalam mempertingkatkan infrastruktur ke arah mewujudkan persekitaran kerja lebih selesa dan kondusif kepada warga kerja," kata beliau pada 21 Ogos.

Mohd Kamarudin berucap demikian ketika merasmikan Markas Batalion 4 PGA di Semenyih. Hadir sama, Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan.

Dalam ucapannya, Mohd Kamarudin turut menekankan isu integriti pegawai dan anggota semasa melaksanakan tanggungjawab dan menyifatkan amalan rasuah seperti barah yang boleh memusnahkan keharmonian masyarakat, sistem pentadbiran organisasi dan pembangunan negara.

Didakwa sebut perkataan hasut

SHAH ALAM - Tan Sri Muhyiddin Yassin didakwa di mahkamah sesyen di Gua Musang, Kelantan atas pertuduhan menyebut perkataan menghasut dalam kempen pilihan raya kecil Nenggiri baru-baru ini.

Bagaimanapun, pengerusi Perikatan Nasional itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Nik Mohd Tarmizie Nik Mohd Shukri pada 27 Ogos, lapor Bernama.

Muhyiddin didakwa menyebut per-

kataan menghasut antara 10.30 malam hingga 11.50 malam di kawasan lapang berhampiran Dewan Semai Bakti Felda Perasu di Gua Musang pada 14 Ogos.

Kenyataan itu berkaitan dakwaan tidak dijemput Yang di-Pertuan Agong untuk mengangkat sumpah sebagai perdana menteri walau memiliki sokongan 115 daripada 222 ahli parlimen pada masa itu.

Bekas perdana menteri didakwa melanggar Seksyen 4(1)(b) Akta

Hasutan 1948 yang boleh dihukum denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kes tersebut dikendalikan enam timbalan pendakwa raya diketuai Datuk Umar Saifuddin Jaafar manakala Muhyiddin diwakili lima peguam.

Mahkamah juga membenarkan jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 4 November untuk sebutan semula kes.

Serahan bermula 29 Ogos

8.5 juta penerima sumbangan tunai

SHAH ALAM - Bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) fasa 3 membabitkan kesan kewangan RM1.7 bilion kepada 8.5 juta penerima disalur mulai 29 Ogos, menurut Kementerian Kewangan.

Penerima sedia ada bakal bantuan hingga RM650 mengikut kategori manakala bayaran kepada penerima

baharu dan rayuan dibuat bermula pada 18 September, lapor Bernama.

"Penerima sedia ada dan penerima baharu atau rayuan yang berdaftar di dalam pangkalan data STR akan menerima pembayaran STR fasa 3 melalui pengkreditan ke dalam akaun bank.

"Bayaran STR kepada penerima yang tiada akaun bank akan disalur secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) secara berperingkat," kata kenyataan pada 23 Ogos.

Mulai 2024, kerajaan mengambil pendekatan baharu untuk membuka

pendaftaran STR 2024 sepanjang tahun bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat mendapat manfaat bantuan berkenaan.

Dalam Belanjawan 2024, peruntukan STR ditingkat sebanyak 25 peratus, daripada RM8 bilion pada 2023 kepada RM10 bilion yang memberi manfaat kepada hampir 60 peratus penduduk dewasa.

Semakan status kelayakan bermula pada 29 Ogos. Soalan lazim boleh didapati menerusi pautan bantu-tunai.hasil.gov.my.

KL selamat dikunjungi

SHAH ALAM - Tiada bukti kukuh yang menyokong dakwaan bandar raya Kuala Lumpur tidak selamat untuk diduduki, kata Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Beliau memberitahu dakwaan ibu negara itu tidak selamat untuk pembangunan seperti dakwaan yang tular dalam media sosial perlu disertai bukti dan kajian kukuh, lapor Bernama.

"Kalau nak katakan tidak selamat mesti ada bukti kukuh dan kajian terperinci. Kami telah wujudkan pasukan petugas termasuk Jabatan Geologi dan Jabatan Kerja Raya untuk kaji.

"Namun kalau dilihat daripada keadaan semasa Kuala Lumpur masih selamat kecuali ada bukti kajian," katanya ketika ditemui di Jalan Masjid India di sini pada 25 Ogos.

Dr Maimunah mengulas dakwaan aktivis alam sekitar pada 2015 yang dimuat naik ke media sosial kononnya Kuala Lumpur tidak selamat ekoran berpotensi berlaku lurang gergasi bila-bila masa.

Sebaliknya, beliau memberi jami-

nan kawasan Jalan Masjid India dan Kuala Lumpur amnya terkawal dan selamat untuk dikunjungi berdasarkan mesyuarat penyelarasan bersama pelbagai agensi.

Katanya, agensi berkenaan antaranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), polis, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia dan Jabatan Kerja Raya.

Sementara itu, pihak berkuasa tempatan, agensi dan syarikat utiliti perlu bekerjasama membuat pemetaan bawah tanah, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Nga Kor Ming.

Beliau memberitahu kementerian sedia bekerjasama dengan DBKL, Jabatan Kerja Raya dan agensi lain supaya ada pemetaan utiliti bawah tanah.

"Bawah tanah tak nampak tetapi itu (pemetaan) penting kerana tanpa kemudahan bawah tanah utiliti semua tak sampai seperti air, elektrik, internet, tangki najis," katanya.

Pada 24 Ogos, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil berkata DBKL dan syarikat utiliti disaran bekerjasama untuk membuat pemetaan bagi mengelak insiden tidak diingini berulang.

WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD

TENDER NOTICE

Tenderers are invited from contractors having the following qualifications for the works as specifically described as follows:

TITLE AND TENDER NUMBER	TENDER REQUIREMENTS	TENDER DOCUMENT FEE	DATE AND TIME TO PURCHASE
<p>Tender No.: WT2024-00095</p> <p>PROPOSED CONSTRUCTION AND COMPLETION OF WASTE RECEPTION CELLS (PHASE 7) AND RELATED INFRASTRUCTURE WORKS AT TANJUNG DUA BELAS SANITARY LANDFILL, MUKIM TANJUNG DUA BELAS, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.</p>	<p>i. Tenderer must be an incorporated company and registered with Construction Industry Development Board CIDB Grade: G7 Main Category: CE21 and/or CE36</p> <p>ii. The companies submitting for the tender must be 100% owned by locals with valid active licenses as described therein and registered with the Suruhanjaya Syarikat Malaysia.</p> <p>iii. Tenderer must possess relevant experience in similar or related works/services for the last five (5) years.</p> <p>iv. All tenderers who wish to participate in this tender must register and submit their tender, including but not limited to, price bid and all associated supporting documents, in digital soft copies via the company's online tender portal (e-WOPS).</p> <p>v. All hard copies of tender bid supporting documents are to be submitted to our office in the designated tender drop box located at: TENDER BOX A- LEVEL G Mercu Worldwide, No 7, Persiaran Sukan, Laman Seri Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam.</p>	<p>RM500.00 (Ringgit Malaysia: Five Hundred Only) via online transfer to the account of:</p> <p>WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD 8001922460 (CIMB BANK) (Payment is non-refundable)</p> <p>Reference 1: WT2024-00095 Reference 2: Name of Company</p> <p>Please submit the tender payment receipt via e-WOPS system</p>	<p>28 AUGUST 2024 – 10 SEPTEMBER 2024 Online purchase</p> <p>Please contact us for details Tel: 03-5526 2525 Ext : 5938 (Pn. Suziana) 5934 (En. Shahrul) Email: procurement@whb.com.my</p> <p>Working Hours: Monday – Friday 9.00 a.m - 5.30 p.m</p> <p style="text-align: center;">CLOSING OF TENDER</p> <p style="text-align: center;">Before or By 12:00 p.m. 18 SEPTEMBER 2024 (WEDNESDAY)</p> <p style="text-align: center;">COMPANY REGISTRATION</p> <p>Company registration in e-WOPS system is MANDATORY. Tenderers who have yet to register in e-WOPS as the company's listed vendor, may proceed with the registration process via the hyperlink below: https://vendor.e-wops.com.my/VendorAccount/Create</p>

Those who are interested to participate in this tender is a must attend a site visit and briefing session scheduled as follows :

DATE & TIME	PERSON IN CHARGE	VENUE
4 September 2024 (Wednesday) 10.30 a.m.	Muhammad 'Izzat Zahir Ibrahim / Mohd Faizi Abu	Tanjung Dua Belas Sanitary Landfill

- Tender Documents received later than the date and time specified will not be considered.
- Worldwide Holdings Bhd is not bound to agree and accept the lowest quotation, or any alternative quotation(s) received for this tender.

WORLDWIDE HOLDINGS

196501000639(6430-P)



TERUJA... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (tengah) mendekati murid sempena program Ekplorasi Gagasan Rumpun Selangor daerah Klang 2024 pada 28 Ogos. Mengiringi Baginda, EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail (kiri). Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

Semai 33,333 benih pokok berembang

KUALA SELANGOR - Majlis Perbandaran Kuala Selangor mencatat rekod baharu Malaysia Book of Records (MBOR) apabila menyemai 33,333 anak benih berembang dalam tempoh tiga jam 33 minit.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin berkata semaian itu dibuat dalam program Malar Hijau sempena sambutan ulang tahun ketiga pihak berkuasa tempatan tersebut sebagai perbandaran.

"Semoga dengan penanaman pokok ini membantu mengekal habitat kelip-kelip di Kuala Selangor sekali gus meningkatkan lagi populasi serangga ini," katanya pada 25 Ogos.

Program berkenaan yang dijayakan dengan kerjasama Petron Malaysia (Petron) di Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan di sini turut melibatkan badan bukan kerajaan dan pelajar.

Dalam program yang disertai kira-kira 500 peserta itu, Jamaliah turut merasmikan Rumah Hijau sumbangan Petron untuk proses semaian benih itu selain melepaskan 3,333 anak ikan ke sungai.

Beliau juga menyeru seluruh masyarakat, agensi kerajaan dan sektor swasta untuk bersama-sama pentadbiran negeri menjayakan hasrat menanam 26 juta pokok dalam tempoh lima tahun.

Tangkap satu tan ikan

SUBANG JAYA - Lebih satu tan ikan bandaraya atau pleco ditangkap dalam satu pertandingan di Sungai Damansara di sini dalam masa dua jam.

Program itu anjuran bersama Universiti Malaya, Universiti Selangor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya.

Dalam penutupan pertandingan pada 25 Ogos itu, EXCO Pertanian Ir Izham Hashim menyifatkan jumlah tangkapan tersebut memberi gambaran betapa seriusnya gangguan spesies ikan berkenaan.

"Insha-Allah, usaha membasmi ikan asing ini akan sentiasa berterusan serta mendapat perhatian tinggi dari Kerajaan Negeri," katanya di Facebook.

Beliau menjelaskan pelbagai usaha dibuat bagi menghapus populasi ikan asing demi memulihara sungai termasuk menyediakan tawaran insentif RM1 bagi setiap kilogram tangkapan.

"Kesedaran orang ramai terutama pemilik akuarium perlu dipupuk agar tidak melepaskan ikan asing ke sungai atau tasik.

"Kaedah pelupusan biologiikal turut dibuat dengan mengkaji sistem reproduktif, pemakanan dan habitat ikan ini yang memusnahkan ikan tempatan, menyebabkan kerosakan tebing sungai," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menawarkan insentif RM1 bagi setiap kilogram tangkapan ikan pleco yang dicadang dijalankan selama sebulan bermula 1 September.

Patuhi SOP perkhemahan

KUALA SELANGOR - Semua pihak termasuk penyedia perkhidmatan perkhemahan diingatkan berwaspada dan mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) keselamatan di tapak perkhemahan.

EXCO alam sekitar berkata garis panduan berkaitan perkara itu sudah lengkap dan perlu dipatuhi sepanjang masa bagi mengelak insiden tidak diingini dalam cuaca tidak menentu.

Menurut Jamaliah Jamaluddin, agensi berkaitan juga diingatkan supaya meningkatkan pemantauan di lokasi berisiko, terutama hujung

minggu dan cuti persekolahan tidak lama lagi.

"SOP di tapak perkhemahan sudah ada dan ia bukan hanya tertakluk pada cuti umum atau persekolahan sahaja. Saya juga sarankan pihak berkuasa memantau lebih kerap di kawasan berisiko," katanya pada 26 Ogos.

Pada Mac lalu, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan meluluskan Garis Panduan Perancangan Tapak Perkhemahan sebagai panduan merancang dan memastikan tapak perkhemahan selamat.



ECO BUSINESS PARK V
KLANG VALLEY

Perniagaan Berpotensi Besar di 80' x 80' Rubix Space



WEST GATE

Ruang Perniagaan Fleksibel
Keluasan Tanah: 6,400 kps
Saiz Binaan: 4,700 kps

Memperkenalkan Rubix Space, rekaan ruang yang inovatif bagi memastikan operasi perniagaan yang lebih baik. Lengkap dengan ruang pemuatan dan pemunggaan yang disediakan, Rubix Space menepati keperluan perniagaan yang pelbagai. Lokasi yang strategik dengan kemudahan dan kawasan yang luas bakal memudahkan perjalanan kejayaan perniagaan anda! Tempah unit anda hari ini dan nikmati diskaun eksklusif 10% Bumiputera.

PARAGON PINNACLE SDN BHD (11098122-T)
EcoWorld Gallery @ Eco Business Park V
Lot 6232, Persiaran Mokhtar Dahari,
Eco Grandeur, 42300
Bandar Puncak Alam, Selangor.
E.ecobusinesspark5@ecoworld.my

Nikmati perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan bantuan pakar setiap hari

Isnin - Jumaat 9pg - 6ptg
Sabtu/Ahad dan Cuti Awam 10pg - 6 ptg

+603 3270 2525
www.ecoworld.my

Kesemua render dan gambar di dalam risalah ini adalah gambaran artis sahaja. Pihak Pemaju berhak untuk mengubahsuai apa-apa bahagian bangunan sebelum ia disiapkan seperti yang telah diarahkan atau dipersetujui arkitek dan / atau pihak berkuasa yang relevan. Kesemua pelan, susun atur, informasi dan spesifikasi tertakluk pada sebarang perubahan dan tidak boleh diambil kira sebagai suatu tawaran atau sebahagian dari kontrak. Pihak pemaju berhak untuk mengubah, menukar atau mengubahsuai kesemua informasi di dalam ini tanpa pemberitahuan. Bilamana kesemua langkah telah diambil apabila mengeluarkan informasi ini, Pihak Pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk apa-apa variasi. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan mengenai susun atur, informasi dan spesifikasi, sila rujuk kepada Perjanjian Jual Beli.

Perdagangan Bersemasa




Tambah kursus kemahiran buat OKU

SHAH ALAM - Selangor mempertimbang untuk menambah kursus pengajian bagi memperkasa golongan kurang upaya (OKU) menerusi program Pusat Kehidupan Berdikari.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata program latihan dan kemahiran itu akan diteliti berdasarkan keperluan industri serta keupayaan OKU yang mengikuti kursus tersebut.

Menurutnya, empat program ditawarkan setakat ini iaitu bakeri, barista, teknologi maklumat dan hospitaliti di Rumah Amal Cheshire, Kementerian Belia dan Sukan serta Institut Kemahiran Belia Negara.

"Kita perlu lihat kesesuaian keperluan industri dan tahap keupayaan mereka, namun ada kemungkinan terdapat banyak lagi penambahan kursus yang akan diperluas dan relevan," katanya pada 26 Ogos.

600 Orang Asli ke karnival dakwah

SHAH ALAM - Kira-kira 600 Orang Asli seluruh negeri menyertai Karnival Jalinan Kasih Orang Asli Selangor 2024 di Kampung Orang Asli Kolam Air Bangkong, Sepang pada 24 Ogos.

Dianjurkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), program bagi menyantuni golongan berkenaan mendapat kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Lembaga Zakat Selangor.

Disempurnakan Pengarah Jais Dato' Mohd Shahzihan Ahmad, antara pengisian menarik program itu termasuklah pertandingan hafazan, tilawah al-Quran, nasyid dan azan.

"Moga dengan terlaksananya program sebegini dapat menyebar luaskan lagi usaha dakwah khususnya kepada masyarakat Orang Asli di seluruh Selangor," katanya menerusi Facebook.

Pertimbang rayuan tauliah mengajar

SHAH ALAM - Mana-mana pendakwah yang ditarik balik tauliah mengajar oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) boleh membuat rayuan jika berminat untuk kembali berdakwah di negeri ini.

EXCO Agama Islam Dr Mohamad Fahmi Ngah menjelaskan jawatankuasa rayuan juga ditubuhkan bagi memberi pertimbangan sekali gus mempermudah setiap permohonan semula tauliah mengajar itu.

"Dalam sidang dewan negeri yang lepas pun, dalam enakmen kita buat pindaan berhubung ahli jawatankuasa rayuan berbeza dengan ahli siasatan.

"Ini untuk beri keadilan. Jadi, kita seru mana-mana pendakwah yang

tersinggung dengan keputusan dibuat untuk kembali memohon (tauliah)," katanya pada 26 Ogos.

Mengakui syarat pentauliah Jais dan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) ketat, beliau berkata langkah tersebut demi menjaga keharmonian berikutan Selangor dihuni pelbagai kaum.

Menurut Fahmi lagi, dua agensi berkenaan menyediakan struktur yang baik tetapi tegas dalam soal pemberian tauliah, malah proses pemberiannya juga adil.

"Tauliah kita ada kategori. Kalau dibenar ajar al-Quran, ajar al-Quran

sahaja, bukan cerita benda lain. Ada kategori pengajian Islamiah umum, Islam berdasarkan kitab-kitab, motivasi.

"Jadi kalau salah guna, boleh ditarik balik. Peraturan ini diguna pakai kepada semua. Peraturan ketat perlu sebab kita serius berkenaan hal ehwal Islam," katanya.

Pada Julai, mesyuarat khas jawatankuasa tauliah Mais memutuskan tauliah mengajar yang diberi kepada penceramah bebas Ustaz Don Daniyal Bon Bijayid ditarik balik.

Isu susulan beberapa isu mengenai pengajaran agama yang disampaikan Don Daniyal disyaki membawa pelanggaran beberapa ketetapan dalam Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.



Anjur Selangor Travel Mart

Ganda usaha tarik pelancong 30 negara

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Sebanyak 400 pemain industri pelancongan tempatan dan antarabangsa menyertai Selangor Travel Mart anjuran Tourism Selangor di Royale Chulan Damansara, Petaling Jaya.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata penganjuran sulung acara pada 15 Ogos itu permulaan kepada Tahun Melawat Selangor 2025 (TMS2025) yang menyoal kehadiran lapan juta pengunjung.

Azrul Shah Mohamad menjelaskan Selangor Travel Mart juga menawarkan pelbagai tarikan pelancongan

di Selangor yang dijangka berupaya menjadi tarikan utama pada TMS2025.

"Tarikan itu termasuk Gamuda Land Play, Sky Mirror Tours and Travel, Selangor Fruit Valley, Jumpstreet Asia, Chocolate Museum, Farm Fresh dan Fraser Valley," katanya pada 23 Ogos.

Menurut beliau, Selangor Travel Mart turut menarik pelancong berpotensi dari 30 negara antaranya Singapura, Maldives, Vietnam, United Kingdom, Kanada, Switzerland dan China.

Azrul memberitahu kejayaan aca-

ra berkenaan antara bukti Selangor memiliki potensi besar untuk meraih perhatian pelancong khususnya dari luar negara sempena TMS2025.

"Tourism Selangor akan meneruskan usaha mempromosi Selangor sebagai destinasi pelancongan yang kukuh dan sebagai salah satu peneraju industri pelancongan di Malaysia," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri melancarkan iklan panel belakang bas Smart Selangor yang mempromosi lokasi pelancongan menarik di seluruh negeri sempena TMS2025.



Pendakwah wanita perlu aktif

SHAH ALAM - Pendakwah wanita diseru memainkan peranan aktif dalam menyebarkan kebaikan ke arah membina masyarakat yang lebih harmoni, kata EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari.

Beliau menjelaskan daie (pendakwah) muslimah diharap berupaya menonjolkan Islam sebagai agama Rahmatan lil 'Alamin sekali gus meninggalkan elemen perpecahan, kebencian dan fitnah.

"Mereka ada tempat istimewa dalam masyarakat kerana lemah lembut, sopan santun, mendamaikan dan rahmah, peluang ini harus diambil untuk sampaikan mesej damai dan rahmah," katanya.

Anfaal merasmikan Konvensyen Daie Muslimah Selangor (Damai) 2024 anjuran bersama Wanita Berdaya Selangor (WBS) dan Yayasan Sofia yang menghimpun

lebih 50 aktivis pada 24 Ogos.

Dalam program berkenaan, beliau turut menyampaikan Anugerah Tokoh Daie Muslimah Selangor 2024 kepada sembilan wanita ekoran kejayaan mereka dalam pelbagai bidang.

Sementara itu, Pengarah WBS Rawiyah Zakaria berkata pihaknya dengan kerjasama pelbagai institusi mengadakan program termasuk pendidikan, latihan kemahiran dan sokongan sosial.

Katanya, ada 56 pusat WBS di setiap Dewan Undangan Negeri yang menggalakkan wanita peringkat akar umbi bergiat dalam lapangan kerja sosial termasuk keusahawanan dan ekonomi kreatif.

Beliau juga memberitahu sebanyak 2,712 program dijayakan antara 2021 hingga Mei lalu yang memberi manfaat kepada seramai 92,919 wanita di seluruh negeri ini.



Air Selangor
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000019471	SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF TWO (2) UNIT TEST BENCHES FOR METER TESTING AT HYDROLYTICS METLAB
2.	PN0000019527	DEVELOP, DELIVER, INSTALL, CONFIGURE, TEST, COMMISSION, SUPPORT AND PROVIDE WARRANTY USING OUTSYSTEMS FRAMEWORK & PLATFORM FOR DEVELOPMENT LAND MANAGEMENT SYSTEM (LMS) AT PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
3.	PN0000019310	CONSULTANCY SERVICES FOR SLOPE MANAGEMENT PLAN, HAZARD & RISK ASSESSMENT FOR EXISTING SLOPES AT AIR SELANGOR'S ASSETS 2024 (STAGE 1)
4.	PN0000017589-2	SUPPLY AND DELIVERY OF PRESSURE REDUCING VALVE (PRV) AND SINGLE POINT INSERTION ELECTROMAGNETIC FLOWMETER (SPI) FOR AIR SELANGOR (2025-2027)

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>



GEMBIRA... Pemain Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Shah Alam meraikan kejayaan menjuarai Piala Dato' Mokhtar Dahari (Bawah 18 Tahun) menewaskan SMK TTDI Jaya 4-1 di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 27 Ogos. Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa induk kejohanan Dato' Emran Kadir dan EXCO Sukan Najwan Halimi (tengah). Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Raih lima emas, atlet lelaki terbaik SUKMA

Impian Andrew ke Olimpik

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

KUCHING - Anugerah atlet lelaki terbaik Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 Sarawak menyuntik semangat jaguh renang Selangor untuk menempa lebih banyak kejayaan selepas ini.

Selepas membolot lima emas, Andrew Goh Zheng Yen menyifatkan pengiktirafan tersebut sebagai penghormatan terbesar pada penampilan terakhirnya di SUKMA.

"Kerja keras akhirnya terbalas. Saya tidak akan berhenti di sini sebaliknya akan terus bekerja kuat untuk meraih sesuatu lebih baik selepas ini.

"Saya perlu buktikan mengapa mereka pilih saya sebagai atlet terbaik SUKMA," katanya yang membawa pulang wang tunai RM2,000 dan trofi dalam majlis penutup SUKMA pada 25 Ogos.

Pada 23 Ogos, perenang berusia 20 tahun itu menyuarakan impian untuk beraksi di Sukan Olimpik selepas kejayaan memperbaharui tiga rekod kebangsaan dan lima rekod temasya di Pusat Akuatik Pandeleda Rinong, Petra Jaya.

"Saya harap suatu hari nanti dapat mewakili Malaysia ke Sukan Olimpik dan menggenggam pingat. Itu impian

besar saya."

Sepanjang saingan lima hari bermula 19 Ogos, penuntut tahun dua jurusan pemakanan di Grand Valley State University, Amerika Syarikat (AS) itu menyambar emas acara 4x100m rampaian lelaki bergandingan dengan Teoh Kar Chuan, Jayden Goh Li Jie dan Loke Yew Jien.

Mereka mencatat masa baharu 3 minit 49.12 saat (s) memadam rekod lama milik kuartet Selangor 3:49.98s pada edisi 2016.

Pada 22 Ogos, Andrew memperbaiki rekod kebangsaan miliknya dalam acara 50m kuak dada lelaki dengan catatan 27.40s, memadam 28.03s yang dilakukan dalam saringan ketiga acara berkenaan.

Pada 19 Ogos, beliau memperbaharui rekod kebangsaan acara 100m kuak dada 1:01.39s, mengatasi masa miliknya 1:02.30s pada Terbuka Malaysia 2024 dan rekod SUKMA milik Wong Fu Kang 1:03.05s pada 2016.

Beliau turut memenangi emas acara 200m kuak dada dengan rekod baharu SUKMA selain dua pingat emas acara 200m rampaian individu dan 4x100 rampaian campuran.

Atlet wanita terbaik milik ratu menembak Negeri Sembilan Gan Chen Jie yang menyambar semua emas tujuh acara selain memecah dua rekod SUKMA.



Tingkat program pembangunan atlet

KUCHING - Program pembangunan dan latihan atlet akan dipertingkatkan sebagai persediaan Sukan Malaysia (SUKMA) 2026, kata EXCO sukan.

Najwan Halimi berkata program berkenaan antara usaha yang dirancang Selangor sebagai tuan rumah temasya dwitahunan edisi ke-22.

"Balik dari Sarawak kita akan mula gerak kerja bukan sahaja sebagai penganjur tetapi untuk kita bangunkan atlet dengan melihat kepada prestasi atlet di sini (Sarawak).

"Kelemahan dan kekuatan atlet akan terus dikenal pasti sebelum menggarap program pembangunan atlet untuk persiapan ke SUKMA 2026," katanya pada 22 Ogos.

Selangor berada pada kedudukan ketiga keseluruhan mengumpul 56 emas, 64 perak dan 61 gangsa.

Tuan rumah Sarawak unggul dengan 76 emas, perak (55) dan 70 (gangsa) untuk dinobatkan juara manakala naib juara Wilayah Persekutuan dengan 75 emas, perak (65) serta gangsa (72).

Sepanjang temasya dwitahunan dari 17 hingga 24 Ogos, Selangor turut mencipta sejarah dalam beberapa acara antaranya renang dan olahraga selain meraih emas bola keranjang, futsal serta bola sepak wanita.

TROPICANA AMAN
KOTA KEMUNING

UNIT/ LOT BUMIPUTERA

POTONGAN HARGA BUMIPUTERA

HANA RESIDENCES

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT / RUMAH SESEBUAH 2 & 3 TINGKAT
45' x 80' / 55' x 80' / 60' x 100' / 80' x 100'

1700 81 8868
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY
No. 1, Persiaran Tropicana Aman, Bandar Tropicana Aman,
42000 Tropicana Emas, Selangor.



JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

mengagih Jalur Gemilang
di pasar malam Taman
Megah, Petaling Jaya



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

menziarahi warga emas
di Kampung Perigi
Nanas, Klang



MARIAM ABDUL RASHID
Meru

bersama murid sempena
hari sukan sekolah
di DUN beliau



DATUK JOHAN ABD AZIZ
Dusun Tua

meninjau program
Jualan Ehsan Rahmah
di DUN beliau



DR GUNARAJAH GEORGE
Sentosa

menyertai kejohanan
badminton tertutup
di DUN beliau



WONG SIEW KI
Seri Kembangan

mengikuti program
Adiwira Sungai di Taman
Muhibbah, Subang Jaya



MUHAMMAD IZUAN KASIM
Kota Damansara

memeriahkan sambutan
Bulan Kemerdekaan
di Seksyen 7, Petaling Jaya



S PREAKAS
Kota Kemuning

merasmikan sambutan Bulan
Kemerdekaan peringkat
sekolah di DUN beliau

Biasiswa bidang teknologi, digital

SHAH ALAM - Yayasan Selangor bersama Yayasan Telekom Malaysia menawarkan biasiswa Future Leaders kepada mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda sepenuh masa.

Tawaran tersebut dikhususkan kepada penuntut mana-mana universiti awam, Universiti Selangor, Universiti Islam Selangor dan Universiti Multimedia dalam bidang teknologi dan digital.

"Tawaran biasiswa Future Leaders

Yayasan Telekom Malaysia dengan kerjasama Yayasan Selangor 2024 dibuka sekarang.

"Tarikh tutup permohonan pada 13 September depan," kata kenyataan.

Syarat tawaran biasiswa termasuk pemohon berumur tidak lebih 25 tahun, warganegara dan tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Pemohon atau ibu atau bapa lahir di Selangor atau Kuala Lumpur sebelum 1

Februari 1974, minimum Sijil Pelajaran Malaysia 6A dan pendapatan perkapita keluarga bawah RM3,000 sebulan.

Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang dari laman sesawang www.yayasanselangor.org.my dan diserahkan melalui serahan tangan atau pos berdaftar sebelum jam 4 petang 13 September 2024.

Untuk pertanyaan lanjut, hubungi talian 03-7669 1153 / 1188 / 1213 atau e-mel kepada tajaan@yselangor.com


Jumlah pemohon meningkat

RM24,050 rai 112 pelajar cemerlang

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Sebanyak RM24,050 diagih kepada 112 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Dewan Undangan Negeri Kuala Kubu Bharu.

Wakil rakyatnya Pang Sock Tao memberitahu sumbangan berkenaan disampaikan kepada 106 pelajar SPM yang



memperoleh keputusan 5A dan ke atas selain enam pelajar STPM.

Beliau menambah pelajar yang mendapat 5A dalam SPM menerima RM100, 6A (RM150), 7A (RM200), 8A (RM250) manakala setiap pelajar yang mendapat 9A dan 10A menerima RM300 dan RM350.

"Sebanyak RM21,650 diberi kepada 106 pelajar SPM manakala RM2,400 diagih kepada enam pelajar cemerlang

STPM," katanya di Facebook pada 23 Ogos.

Menjelaskan permohonan tahun ini meningkat dua kali ganda, beliau menjelaskan syarat untuk menerima pemberian tahunan antaranya salah seorang ibu bapa pengundi di DUN berkenaan.

"Saya sendiri datang dari keluarga sederhana, sebab itu saya memutuskan untuk menggunakan peruntukan bagi menggalakkan lebih ramai pelajar terus berusaha dalam akademik," katanya.

Azman harap pemain tidak putus asa

SHAH ALAM - Pemain Selangor FC beraksi penuh semangat meski kemenangan tidak berpihak kepada Red Giants yang tewas 1-6 dalam perlawanan akhir Piala FA menentang Johor Darul Ta'zim (JDT).

Legenda bola sepak negeri Azman Adnan menyifatkan pemain Selangor FC harus dikalung penghargaan lantaran mampu melangkah jauh dan berjuang hingga ke perlawanan akhir.

"Prestasi pemain dilihat penuh bersemangat dan mereka mempamer momentum terbaik tetapi inilah adat da-

lam sukan bola sepak walaupun sudah usaha tetapi kalah menang adat perlawanan.

"Kita dapat lihat aksi ditonjolkan pemain JDT tidak kurang hebatnya dan mereka pasukan bertaraf tinggi," katanya.

Beliau menyaksikan perlawanan itu bersama lebih 250 penyokong menerusi skrin besar di sebuah restoran di sini anjuran Ahli Dewan Negeri Batu Tiga Danial Al-Rashid pada 24 Ogos.

Azman yang juga bekas penyerang



Malaysia era 90-an turut menasihati pemain bola sepak muda supaya sentiasa bersemangat dan tidak sesekali berputus asa.

"Nasihat saya kepada pemain bola sepak muda sentiasa fokus, bekerja keras dan berusaha memperbaiki diri kerana bukan mudah mencipta kejayaan.

"Buat Faisal Halim, saya doakan beliau segera sembuh dan kembali beraksi dengan penuh bersemangat kerana perjalanannya masih panjang," katanya.

Sukarelawan kesihatan bantu penduduk

SHAH ALAM - Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor (SUKA) berazam untuk menghulur sumbangan tenaga dan kepakaran kepada penduduk di negeri ini.

Penasihat Sukarelawan SUKA Dewan Undangan Negeri (DUN) Sentosa Dr Uma Rani Ramakrishnan memberitahu pertubuhan itu banyak melaksanakan peranan dan tanggungjawab.

"SUKA ditubuh untuk Covid-19. Kami

buat ziarah medik bila ada orang sakit, mereka telefon minta bantuan katil dan kerusi roda," katanya dalam program bual bicara kendalian Media Selangor pada 22 Ogos.

Menjelaskan lebih 600 individu menjadi sukarelawan sejak ditubuh pada 2021, beliau berkata pelbagai program diadakan untuk anak istimewa termasuk mereka yang disleksia dan autistik.

Menurut Dr Uma Rani, penyertaan

sebagai sukarelawan terbuka kepada mana-mana individu tanpa mengira bidang kepakaran dan individu berniat boleh hubungi pejabat DUN masing-masing.

"Tak semestinya perlu jadi doktor perubatan. Kita cuma perlu ada hati untuk berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat," katanya sambil menjelaskan SUKA di setiap DUN ada 11 orang iaitu seorang koordinator dan 10 ahli.

RM40,000 baiki kediaman asnaf

KUALA SELANGOR - Sebanyak RM40,000 diperuntuk Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI untuk baik pulih sebuah rumah asnaf di Kampung Permatang, di sini.

Ketua Yayasan Ahmad Azri Zainal Nor berkata peruntukan bawah zakat wakalah MBI diharap memberi keselesaan kepada penghuninya sekali gus memastikan golongan asnaf, fakir, miskin dan fisabilillah terus dibantu.

"Kita terima permohonan daripada ketua kampung sekitar Mac lalu untuk membaik pulih rumah yang sudah uzur milik Mohd Faizal Hussin yang juga salah seorang asnaf Lembaga Zakat Selangor.

"Alhamdulillah kerja membaik pulih tandas, baik pulih dapur, cat dinding, ganti bumbung dan memasang siling selesai. MBI komited membantu serta meringankan beban golongan memerlukan," katanya selepas melawat kediaman itu pada 27 Ogos.

Syukur hasrat baiki rumah tertunai

KUALA SELANGOR - Seorang asnaf menzahirkan kesyukuran berikutan kediamannya yang uzur mendapat perhatian untuk dibaik pulih.

Mohd Faizal Hussin, 44, berkata beliau dan isteri Nor Fadillah Sahman, 42, akhirnya dapat menunaikan hasrat arwah ibu mentua untuk membaiki rumah tersebut.

"Sebenarnya rumah ini antara peninggalan arwah ibu mentua saya kepada kami sekeluarga dan keadaan (rumah) sebelum ini memang agak daif, sering dimasuki air kerana bumbung sudah bocor.

"Alhamdulillah, walaupun arwah tidak sempat melihat rumah ini dibaik pulih tetapi saya dan isteri lega hasratnya tertunai. Terima kasih Kerajaan Negeri dan Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) sudi membantu," kata bapa tiga anak itu pada 27 Ogos.

Ziarah pesara tentera sempena merdeka

SHAH ALAM - Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sijangkang akan mengadakan program Kembara Patriotik bagi membantu golongan pesara tentera yang dalam keuzuran.

Penyelarasnya Datuk Zurihan Yusop menjelaskan pihaknya merancang untuk melawat kira-kira 45 pesara berkenaan sepanjang program tiga hari yang bermula pada minggu pertama September.

"Kita akan ke sembilan kampung dalam DUN Sijangkang dan singgah beberapa rumah pesara tentera yang uzur untuk menyantuni dan bertanya khabar.

"Kegiatan ini diadakan bagi menghargai jasa bekas pejuang negara yang banyak menabur bakti kepada tanah air selain seiring dengan sambutan merdeka," katanya pada 23 Ogos.

22,840 layak dapat bantuan RM300

6

Kusel bantu pemetaan utiliti bawah tanah

4

PNB salur biasiswa RM430.1 juta

8

8.5 juta terima sumbangan tunai

18

Patuhi SOP aktiviti perkhemahan

19

selangorkini

Yayasan Raja Muda diiktiraf MBOR

SABAK BERNAM - Yayasan Raja Muda Selangor (YRMS) menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai penyumbang cermin mata percuma paling banyak di Malaysia.

Program dengan kerjasama 99 Vision Sdn Bhd menyediakan 5,700 cermin mata selain 9,600 individu menjalani pemeriksaan mata percuma dengan peruntukan RM1.026 juta.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan menyaksikan penyampaian sijil pengiktirafan itu oleh wakil MBOR Siti Hajar Johor kepada Ketua Pegawai Eksekutif YRMS Aiman Syafiq Nazri dan Ketua Pegawai Eksekutif 99 Vision Nicholas Ooi di Politeknik Sultan Idris Shah di sini, pada 27 Ogos.

Syed Omar kongsi liku terjemah buku

SHAH ALAM - Sempena Bulan Kebangsaan, Selangorkini menerbitkan dua edisi wawancara bersama penterjemah lima buku terbitan Institut Buku Darul Ehsan perihal pendudukan komunis dan kemerdekaan tanah air.

Mula bekerjasama dengan penerbit yang menerima geran negeri itu sejak 2018, Syed Omar Hussain juga berkongsi perasaannya menterjemah buku berjudul Perang Anjing Suruhan pada 2020.

Syed Omar turut menceritakan liku-liku awal dan cabaran sepanjang proses penterjemahan selain berkongsi karya lain yang perlu dibaca bagi memahami perjalanan sejarah kemerdekaan negara.

Selain itu, beliau menyorot pengalaman awal termasuk minatnya menterjemah karya lama khususnya novel sastera Inggeris di balik kekangan bahan bacaan bahasa Melayu terhad sekitar 1970-an.



CERIA... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) bersama pemilik Rumah Idaman di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat pada 27 Ogos. Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim (dua, kiri), Pengerusi Eksekutif Kumpulan MGB Berhad Tan Sri Ir Dr Lim Hock San (tiga, kiri) dan pemimpin kanan Kerajaan Negeri. Foto RADIN WAZIR ► BERITA MUKA 2


Enam artis meriahkan sambutan

Selawat, munajat ambang merdeka

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Datuk Seri Siti Nurhaliza antara enam artis yang bakal menyeronokkan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 peringkat negeri di Dataran Kemerdekaan, di sini pada 30 Ogos.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bertema Jiwa Merdeka, pelbagai program menarik dianjurkan



mulai jam 6 petang Jumaat ini.

"Pelbagai aktiviti menarik menanti termasuk program selawat dan munajat, perbarisan dan perarakan kontinjen, pertunjukan bunga api serta banyak lagi.

"Setiap acara ini dirancang untuk menguatkan semangat patriotisme dan memperkukuh perpaduan antara kita semua,"katanya menerusi Facebook pada 27 Ogos.

Selain penyanyi nombor satu negara,

lima lagi artis ialah Faizal Tahir, Roy, Poey Stings, Projektor Band dan kumpulan tarian Zeppo Youngsterz.

Pada 5 Ogos, Amirudin berkata lebih 10,000 pengunjung dijangka memeriahkan sambutan Hari Kebangsaan ke-67 peringkat negeri dengan pelbagai persembahan menarik.

Pada tahun ini, logo Malaysia Madani dipilih sebagai logo Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi tahun kedua berturut-turut, dengan tema sambutan 'Malaysia Madani – Jiwa Merdeka'.

MALAYSIA MADANI
Jiwa Merdeka
31 OGOS 2024

Tulus Ikhlas Daripada
Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Serta Kakitangan

MediaSelangor